



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 3351]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 3352]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3353]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3384]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 3385]
Ucapan Tahniah dan Ikrar Taat Setia kepada D.Y.M.M. Seri Paduka
Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 3385]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulanwang Pembangunan (Pindaan)
[Ruangan 3398]
Rang Undang-undang Perbadanan Pelancungan Malaysia (Pindaan)
1980 [Ruangan 3410]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

„ Menteri Tenaga Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIYUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

Yang Berhormat DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).

- „ TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN EDWARD ESSEN UNANG (Mukah).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- „ TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DATO' DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ DATO' HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

Yang Berhormat TUAN LEE KAW (Kluang).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kim.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 13hb Oktober, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN YANG
DI-PERTUA

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya suka hendak memaklumkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut :

1. Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980;
2. Akta Penyelarasan Pencen 1980;
3. Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980;
4. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980;
5. Akta Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980) 1980;
6. Akta Saraan Hakim (Pindaan) 1980;
7. Akta Pencen (Pindaan) 1980;
8. Akta Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 1980;
9. Akta Kerja (Pindaan) 1980;
10. Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan) 1980;
11. Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1980;
12. Akta Pemegang Amanah Raya (Pindaan) 1980; dan
13. Akta Notari Awam (Pindaan) 1980.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN
NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diserahkan oleh Dewan Rakyat.

Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah mempersetujui Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1979 dan 1980);
2. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan);
3. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen;
4. Rang Undang-undang Pencen (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan;
7. Rang Undang-undang Kumpulanwang Persaraan Pihakberkuasa-pihakberkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan);
9. Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Notari Awam (Pindaan);

11. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan); dan
13. Rang Undang-undang Kerja (Pindaan).

(Tandatangan)
Yang di-Pertua Dewan Negara."

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj.

Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Sabak Bernam.

LEMBAGA PERPADUAN NEGARA— KEGIATAN

1. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah kegiatan Lembaga Perpaduan Negara yang boleh diikuti oleh rakyat untuk menyatupadukan rakyat negara ini dan adakah rancangan untuk menyusun semula Lembaga Perpaduan Negara ini.

Menteri Tak Berfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, kegiatan perpaduan negara boleh diikuti oleh rakyat melalui lidah rasmi Jabatan ini iaitu Balai Muhibah. Jabatan ini juga telah mengambil langkah-langkah positif untuk menyatupadukan rakyat mengikut rancangan-rancangan yang tertentu iaitu Perhubungan Masyarakat.

Rancangan Perhubungan Masyarakat ialah satu konsep untuk menjalini perhubungan antara penduduk dengan menggunakan saluran sivik supaya dapat ditanamkan semangat bekerjasama dan tolong menolong antara mereka. Seboleh-bolehnya mereka diberi peluang berdikari dan bekerja rapat dengan pihak berkuasa bagi kebaikan bersama di antara warga masyarakat.

Kegiatan-kegiatan di bawah Rancangan Perhubungan Masyarakat juga termasuklah aktiviti muhibah seperti Sukan Perpaduan, Permainan Rakyat, Hiburan (Bakat Perpaduan), Pendidikan (Kelas Perpaduan Rakyat), Taman Bimbingan Kanak-kanak (Pendidikan), Kesihatan (Gotong-royong, kempen kebersihan) dan Keselamatan.

Mengenai Pendidikan pula, rakyat boleh mengikuti kelas Bahasa Malaysia dan sivik. Melalui rancangan Kelas Perpaduan Rakyat juga diadakan Kuiz Perpaduan, Kemahkerja Perpaduan, kegiatan sukan, kebudayaan dan kemasyarakatan. Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) adalah satu program prasekolah yang boleh diikuti oleh anak-anak penduduk tempatan dari berbilang kaum.

Satu lagi kegiatan dari segi pendidikan ialah kelas vokesyenal seperti masak-memasak, kelas jahitan, motor mekanik, kelas membaiki Radio dan TV dan kelas-kelas seumpamanya ada juga dijalankan.

Mengenai perkara penyusunan semula Jabatan ini, suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa Lembaga Perpaduan Negara telah dicantumkan dengan Urusetia Rukun Tetangga mulai daripada Februari 1980.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada menerangkan rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Lembaga Perpaduan Negara untuk menyatupadukan rakyat. Tetapi di sini suka saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa Lembaga itu tidak dapat memberi apa-apa kesan (impact) terhadap perkara menyatu-padukan rakyat oleh kerana Lembaga itu tidak dapat mengkaji dengan lebih mendalam tentang masalah-masalah yang dialami oleh kaum di negara kita dan jika beliau sedar saya suka bertanya sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk memansuhkan Lembaga itu dan digantikan dengan satu Institusi Perhubungan Kaum supaya kita kaji dengan lebih mendalam tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum dalam negara kita.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, setakat apa yang sudah dilakukan hingga hari ini saya suka menyakinkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kesan-kesannya sudah wujud hasil daripada usaha dari Perpaduan Negara ini. Buktinya

keselamatan yang sudah wujud di dalam masyarakat kita hari ini. Saya rasa belum sampai lagi masanya Perpaduan Negara ini dihapuskan dan diwujudkan satu institusi berkenaan dengan perpaduan negara dalam negara kita ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri satu daripada masalah Lembaga Perpaduan Negara untuk memupuk perpaduan negara disebabkan oleh adanya parti pembangkang yang mendakwa berbilang kaum tetapi sentiasa memupuk dan menyalakan api perkauman dan membesarkan isu-isu kaum di negara-negara ini. Sekiranya benar bolehkah dalam penyusunan semula ini dilantik seorang ahli pembangkang untuk menjadi seorang ahli Jawatankuasa.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya maklumkan tadi setakat hari ini kita dapati bahawa rakyat berada dalam perpaduan. Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa ada parti pembangkang selalu menimbulkan masalah perkauman atau masalah ugama, ini boleh diatasi dengan lebih banyak lagi kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Perpaduan Negara ini melalui civic kelas-kelas Dewasa dan sebagainya sebagaimana yang telah saya terangkan tadi. Mengenai soal-soal atau masalah perpecahan dalam ugama, ini terpulanglah kepada orang yang benar-benar mahu mengikuti ajaran ugama Islam itu dan saya rasa tidak timbul sekiranya orang yang berkenaan itu dapat memahami ajaran ugama Islam itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Berhormat Menteri kata bahawa antara tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kejayaan Lembaga Perpaduan Negara ialah bertambah baik keadaan keselamatan. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersetuju atau tidak, tetapi saya hendak bertanya kalau itu benar, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan untuk Lembaga Perpaduan Negara supaya boleh dikurangkan peruntukan untuk Polis dan Keselamatan supaya keselamatan boleh lebih bertambah baik.

Tuan Yang di-Pertua: Polis dan Keselamatan tidak boleh dimasukkan di bawah Perpaduan Negara. Dia ada Kementerian sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Tetapi ini terbit daripada jawapan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak jawab?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Saya rasa sudah jelas, Tuan Yang di-Pertua, Menteri-menteri yang bertanggungjawab dapat menjalankan kegiatan masing-masing.

SETIAUSAHA NEGARA AMERIKA MEMBAWA PENGAWAL PERIBADI KE MALAYSIA

2. **Dato' Haji Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah benar yang Setiausaha Negara Amerika Edmund Muskie di waktu melawat Negara kita tempoh hari telah membawa pemandu kereta terdiri dari seorang wanita dan juga pengawal-pengawal peribadinya yang bererti mereka telah mengambil alih semua tugas keselamatan yang sepatutnya menjadi tanggungjawab Kerajaan kita. Kalau benar tidakkah ini dianggap satu kehinaan terhadap pasukan keselamatan kita yang tidak diharapkan oleh sebuah Kerajaan asing untuk menjaga keselamatan pegawainya atau dalam anggapan Kerajaan Amerika bahawa negara kita ini tidak aman dan stabil sepertimana yang diagung-agung oleh kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Setiausaha Negara Amerika Encik Edmund Muskie telah membawa pengawal-pengawal perbadanya semasa lawatannya ke Malaysia pada bulan Jun tahun ini. Walau bagaimana pun, saya tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa mereka telah mengambil tugas peraturan-peraturan keselamatan semasa itu. Seperti Ahli Yang Berhormat mungkin maklum, orang-orang kenamaan kita yang pergi keluar negeri pun membawa pengawal-pengawal peribadi mereka di mana perlu. Tambahan pula, kita telahpun menubuh sebuah Jawatankuasa Kecil Keselamatan khusus untuk Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke 13 dan juga untuk majlis dialog yang dikendalikan dengan

negara-negara lain selepas persidangan tersebut. Usaha-usaha keselamatan yang diambil oleh pelawat-pelawat adalah sebagai tambahan kepada usaha-usaha kita sendiri dan telahpun dibuat dengan penuh kerjasama dan rundingan dengan Jawatankuasa tersebut.

Bahawa langkah-langkah keselamatan yang telah diambil itu telahpun berkesan adalah terbukti kerana bukan sahaja Encik Edmund Muskie telah pulang dengan selamatnya tetapi juga pelawat-pelawat kenamaan yang lain telahpun berpuashati dengan semua persediaan keselamatan persidangan tersebut.

Soal negara kita tidak aman atau stabil tidak timbul.

Tuan Chan Teck Chan: Dengan memandang beberapa masalah yang ada melibatkan keselamatan, baik keselamatan VIP atau keselamatan negara kita, jika sekiranya ada satu malapetaka tertimpa kepada VIP yang membawa eskot mereka, mereka tidak mempercayai usaha-usaha keselamatan yang ditawarkan oleh Malaysia, maka siapakah yang akan bertanggungjawab jika peristiwa ini berlaku kepada VIP kerana mereka tidak menerima langkah-langkah keselamatan yang ditawarkan oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara yang belum jadi tidak perlu dijawab.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah Kerajaan Amerika Syarikat yang telah mengambil sebahagian daripada tugas-tugas keselamatan pegawainya itu; satu daripada sebabnya kerana terdapat segolongan parti pembangkang yang fanatik dan extremist ugama serta menyokong Ayatollah Khomeini terdapat dalam negara kita yang akan meragu keselamatan pegawai-pegawainya. Sekiranya benar ada terdapat penyokong Ayatollah Khomeini di dalam negara kita adakah Kerajaan bercadang untuk menyekat perkembangan fahaman Syiah dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa kena mengena dengan Ayatollah Khomeini (*Ketawa*) dengan pemandu wanita ini. Tidak perlu dijawab.

KADAR INFLASI

3. Tuan Au How Cheong minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (i) kadar inflasi yang dijangkakan bagi tahun 1980/81.
- (ii) reaksi bersambungan (chain reaction) atas harga-harga barang-barang dan perkhidmatan; akibat dari kenaikan harga bahan-bahan petroliam.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menjawab soalan ini oleh kerana perkara ini akan dijelaskan dengan sepenuhnya apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan Negara pada 17hb Oktober, 1980 nanti. Perkara ini akan juga diterangkan dengan lebih lanjut apabila Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan bagi tahun 1980/81 dikeluarkan pada hari tersebut. Oleh itu, saya minta kepada Ahli Yang Berhormat itu untuk bersabar selama 4 hari.

Tuan Yang di-Pertua: Itu boleh, di bawah Peraturan Mesyuarat dengan izin Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Terima kasih.

DASAR MINYAK NEGARA

4. Tuan Lee Lam Thye: minta Perdana Menteri menyatakana sama ada Petronas akan mengator langkah-langkah untuk merangka satu Dasar Minyak Negara dalam mana minyak mentah pengeluaran Malaysia boleh digunakan untuk faedah rakyat negara ini supaya mereka tidak lagi menjadi mangsa kepada syarikat-syarikat minyak asing berikutan kerapnya berlaku kenaikan harga minyak yang mengakibatkan kesan inflasi yang lebih serius. Apakah peranan Petronas dalam membantu rakyat Malaysia membendung inflasi yang disebabkan oleh kenaikan harga minyak yang tidak berkesudahan itu.

Perdana Menteri: (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan ada dasar mengenai pengeluaran minyak Negara. Tujuan dasar itu ialah untuk mengawal pengeluaran minyak selaras dengan kepentingan negara Dasar itu telah dilaksanakan

oleh Petronas semenjak 1hb Jun, 1980. Sebagaimana yang telah dimaklumkan di Dewan ini beberapa kali dahulu sebahagian besar dari pengeluaran minyak mentah negara ini adalah dieksport. Ini adalah disebabkan mutu minyak mentah kita adalah tinggi dan sesuai digunakan oleh negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun yang mengguna teknologi yang tinggi. Dari segi perkiraan ekonomi pula adalah lebih menguntungkan jika minyak mentah kita itu dieksport. Oleh yang demikian, kita masih perlu mengimport minyak mentah dari luar negeri. Sebagai contoh kilang penapis minyak Syarikat ESSO menggunakan 100% minyak mentah yang diimport dari Asia Barat. Sementara kilang penapis minyak Syarikat Shell di Port Dickson pula menggunakan 70% minyak mentah yang diimport dari Asia Barat dan 30% keluaran tempatan. Oleh kerana kita masih perlu mengimport minyak mentah dari luar negeri maka harganya adalah sebagaimana yang ditetapkan oleh negara-negara itu. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa meneliti dengan mendalam tiap-tiap permohonan syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga.

Peranan Petronas bagi membantu membandung inflasi adalah seperti berikut:

- (i) membuat kajian supaya memperbaiki lagi cara-cara pengeluaran minyak tempatan.
- (ii) mengadakan kilang-kilang penapis minyak sendiri untuk menapis minyak mentah tempatan. Petronas akan membina sebuah kilang penapis minyak di Trengganu dan sebuah lagi di Melaka.
- (iii) mengambil bahagian dalam pasaran minyak semenjak bulan Jun, 1979 dengan menubuhkan stesen-stesen sementara bagi menjual minyak tanah dan minyak disel. Petronas juga sedang mengkaji mengadakan stesen-stesen tetap bagi menjual semua jenis barang-barang petroleum pada tahun 1981.

Tuan Lim Kit Siang: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata bahawa Kerajaan ada dasar minyak negara yang dilaksanakan oleh Petronas semenjak 1hb Jun, 1980. Kalau saya tidak silap. Bolehkah Yang Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini ciri-ciri dasar minyak negara ini di masa depan dan kalau boleh dalam satu kenyataan Menteri memberi satu keterangan

yang lebih lengkap mengenai butir-butir dasar minyak negara ini, oleh kerana ini satu perkara yang sangat mustahak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dasar yang saya sebutkan itu iaitu bagi menjimatkan pengeluaran minyak kita ialah seperti berikut:

- (1) kadar pengeluaran ke atas sembilan kawasan minyak yang besar dihadkan kepada paras bumbung 1.75% oil-initially-in-place dalam mana-mana satu tahun.
- (2) pengeluaran minyak di kawasan Guntong dan Palas ditangguhkan sehingga 1985.
- (3) untuk kawasan-kawasan minyak yang besar yang mempunyai simpanan lebih daripada 400 juta tong yang mungkin dijumpai di masa hadapan. Petronas diberi kuasa untuk menangguhkan pengeluarannya di antara tiga hingga lima tahun.

Memandangkan kedudukan sebenar simpanan negara yang terhad, rakyat perlulah dinasihatkan dan digalak untuk menjimatkan minyak serta menggunakan sumber-sumber tenaga lain yang mempunyai potensi seperti gas, arang batu, kuasa matahari dan lain-lain.

Tuan Lim Kit Siang: Dengan beberapa keputusan untuk menjaga sumber punca minyak negara kita yang disebutkan tadi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini sama ada Petronas ada kebolehan teknikal dan expertise untuk mengawal atau memastikan bahawa guide line yang ditentukan adalah diikuti.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Petronas tidak diam bagi meninggikan lagi kemampuan serta kebolehannya mengawal pengeluaran minyak dan sebagainya. Ada dalam bidang-bidang yang tertentu Petronas masih lemah dan masalah ini akan diperbaiki dari satu masa ke satu masa. Sebagaimana Yang Berhormat mengetahui teknologi minyak adalah rumit dan kita tidak mempunyai tenaga kakitangan dan keupayaan sepenuhnya. Walaupun demikian kita telah berusaha untuk menghantar orang-orang kita mendapatkan pengetahuan dan kebolehan dalam bidang teknologi minyak ini.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa meneliti dengan mendalam tiap-tiap permohonan syarikat-syarikat minyak untuk menaikkan harga. Di sini suka saya bertanya apakah kriteria satu garis panduan yang diguna oleh pihak Kerajaan apabila Kerajaan membuat pertimbangan terhadap tiap-tiap permohonan oleh syarikat-syarikat untuk menaikkan harganya. Dan di sini saya suka bertanya sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa kenaikan harga yang telah diluluskan baru-baru ini telah membawa beban yang besar terhadap pengguna-pengguna.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji dengan mendalam setiap permohonan daripada syarikat-syarikat minyak. Setiap permohonan kenaikan harga barang-barang petroleum dikemukakan kepada Kementerian ini adalah dikaji oleh satu jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Mengenai Barang-barang Petroleum. Asas yang digunakan oleh Jawatankuasa ini apabila menimbangkan permohonan tersebut ialah kos minyak mentah yang ditapis, kos pemerosesan, kos pengangkutan dan kos pemasaran.

Tuan Lim Kit Siang: Daripada jawapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi mengenai kebolehan Petronas untuk menjaga prinsip-prinsip iaitu guidelines mengenai dasar minyak negara. Bukankah benar bahawa dalam Enforcement dan Inspectorate Division ada satu unit yang bertanggungjawab untuk menjaga guidelines yang ditetapkan—tidak ada seorang kakitangan yang layak dalam bidang teknologi pengeluaran minyak atau lain-lain, dan kalau tidak ada seorang yang layak, bagaimana guidelines ini boleh dijaga?

Perdana Menteri: Saya tidak dapat menjawab dengan tepatnya pada masa ini. Saya akan menyiasat perkara ini.

DASAR EKONOMI BARU— PERLAKSANAAN

5. **Tuan Chan Teck Chan** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah beliau akan bertindak untuk menghapuskan segala corak dan

bentuk tuntutan perkauman dalam konteks pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan pembinaan negara kita, khasnya menghapuskan penggunaan istilah “Bumiputra” dan “Bukan Bumiputra” serta membubarkan parti-partai politik yang bercorak perkauman supaya cita-cita beliau sepertimana yang diutarakan dalam upacara merasmikan persidangan perwakilan Partai Gerakan Rakyat Malaysia di Dewan Bandaran Port Dickson pada 17.8.1980 dapat dicapai.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti ini telah dijawab berkali-kali di dalam Dewan ini. Ahli Yang Berhormat tidak berhenti-henti menuduh parti-parti politik lain bercorak perkauman. Walhal partinya pun bercorak sedemikian (*Tepuk*). DAP, kita mengetahui, pada zahirnya adalah parti yang bukan mengikut perkauman, tetapi pada batinnya memainkan politik perkauman yang lebih pekat lagi daripada parti-parti yang lain (*Tepuk*).

Saya hendak mengingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa satu daripada tujuan Dasar Ekonomi Baru ialah hendak membetulkan keadaan ketidak-seimbangan dalam bidang ekonomi, pelajaran dan lain-lain di antara bumiputra dan bukan bumiputra. Inilah yang dilaksanakan.

Tuan Chan Teck Chan: Saya merasa suka dan juga duka atas jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya merasa suka kerana Yang Amat Berhormat telah mengakui dari jawapannya ada satu kenyataan bahawa ada parti-parti politik yang perkauman di dalam Barisan Nasional. Yang mendukacitakan sekali ialah, . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan merupakan soalan tambahan.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahannya ialah saya merasa duka kerana Yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bila menuduh DAP sebagai parti perkauman yang lebih pekat lagi daripada parti-parti yang lain, tetapi Yang Amat Berhormat tidak memberikan contoh-contoh yang typical boleh membuktikan kepada Dewan yang mulia ini bahawa DAP adalah sebuah parti yang lebih pekat perkauman daripada parti-parti dalam Barisan Nasional. Bolehkah Yang Amat

Berhormat memberikan contoh-contoh yang typical yang jelas membuktikan bahawa DAP adalah sebuah parti perkauman,

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun tidak benarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil masa dalam soal jawab di sini.

Dr Chen Man Hin: Saya tidak mahu menuduh parti-parti lain ada memainkan perkauman. Tetapi saya rasa kalau parti pihak kita di sini iaitu parti Pembangkang ingat seorang yang menjadi bumiputra di negara kita ini ialah seorang yang beranak di sini, hidup di sini dan mati di sini. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah beliau faham atau sedar di kalangan pemuda-pemuda dan pemudi-pemudi yang beranak di sini pun ada ingat yang dia itu adalah seorang dalam kalangan bumiputra. Oleh sebab itu pihak DAP sentiasa mengingatkan bahawa pihak bukan Melayu yang beranak di sini, hidup di sini dan mati di sini jadi bumiputra. Apakah pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai hal ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar perasaan ini yang ada di kalangan pemuda-pemuda dan perasaan perkauman ini ada di kalangan rakyat kita. Ini bukan sahaja timbul di kalangan kaum bumiputra bahkan juga di kalangan kaum bukan bumiputra. Inilah yang kita selama ini beransur-ansur berikhtiar supaya menghilangkan perasaan ini. Perasaan ini bukan boleh dihilangkan dengan mengambil tindakan yang tidak tentu. Dengan membentuk dasar-dasar tertentu kita dapat sedikit demi sedikit memberi kepercayaan kepada rakyat negara ini. Kita tidak mengira apa keturunan mereka memandangkan negara ini sebagai negara mereka dan ia-nya tidak berpecah kepada kaum-kaum. Inilah yang kita semenjak merdeka sehingga hari ini ikhtiar untuk membetulkan perasaan ini. Ini saya mengaku dan barangkali Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengaku untuk mencapai matlamat dasar-dasar kita berkehendakan toleransi sefahaman serta didikasi dan kerja yang kuat daripada semua pihak.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa usaha untuk mengketegorisakan warganegara

Malaysia kepada dua kumpulan iaitu bumi-putra dan bukan bumiputra khususnya kepada jenerasi post merdeka yang lahir di tanah air kita selepas 31hb Ogos, 1957—semuanya tidak ada lain-lain negara dicintai melainkan negara Malaysia, baharulah boleh memperkuatkan perasaan berpecah belah dan untuk mencapai matlamat membina dan mewujudkan perpaduan negara dan mengurangkan perasaan perkauman, pihak Kerajaan menimbangkan bahawa perkara untuk membezakan rakyat negara kepada dua kumpulan ini khususnya kepada mereka yang jenerasi post merdeka yang pertama digugur atau diubah supaya mereka tidak diketegoris kepada dua kumpulan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar ada perasaan ini sebagaimana yang saya katakan. Adalah satu daripada tujuan Dasar Ekonomi Baru yang hendak membetulkan perasaan ini. Selagi ada perasaan di kalangan satu kaum yang keadaannya tidak seimbang dengan kaum yang lain maka perasaan ini akan berlanjutan. Inilah satu lagi daripada tujuan Dasar Ekonomi Baru supaya mengurangkan perbezaan yang tidak seimbang ini supaya kedudukan kaum yang difikirkan keciwa dapat diperbaiki iaitu, kedudukan mereka dalam segi ekonomi, pelajaran dan lain-lain. Dengan ini kita dapat sedikit demi sedikit menghilangkan perasaan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 6.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Tanah merah.

OPEC—HARGA PASARAN MINYAK ANTARABANGSA

6. **Tuan Hussein bin Mahmood** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan memandangkan bahawa negara-negara OPEC telah berjaya setakat ini mempengaruhi pasaran minyak antarabangsa, adakah kementerian ini bercadang mengambil langkah-langkah tentang kemungkinan penubuhan Persatuan Negara-negara Pengeluar

dan Pengekspot Barangan Utama serta menggunakan cara yang serupa bagi menetapkan harga barang utama, terutama sekali getah, timah dan kelapa sawit.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sekarang ini ada terlibat dalam Persatuan Negara-negara Pengeluar Barangan Utama seperti Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli dan Pepper Commodity yang telah ditubuhkan. Akan tetapi pertubuhan ini tidak menggunakan cara negara-negara OPEC bagi menetapkan harga barang-barang berkenaan oleh kerana kedudukan barang-barang utama kita berlainan daripada minyak. Manakala sumber tenaga lain belum lagi berjaya menggantikan minyak secara berkesan, getah asli, timah dan minyak kelapa sawit ditandingi oleh bahan-bahan tiruan atau tanda gantian.

Ekspot barang-barang tersebut akan terjejas jika harganya ditetapkan tanpa mengambil kira harga bahan-bahan tiruan atau gantian. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan sentiasa bertindak untuk menjamin kepentingan barang-barang utama kita melalui cara-cara yang lain. Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang telah dipersetujui baharu-baharu ini dan perjanjian Antarabangsa yang telah lama ditubuhkan itu bertujuan untuk menubuhkan stok penimbal antarabangsa bagi menstabilkan harga barang-barang berkenaan selain daripada kegunaan penyekatan ekspot dalam Perjanjian Timah Antarabangsa. Oleh itu dalam keadaan pasaran yang lemah operasi stok penimbal akan dikuatkuasakan bagi menjamin harga dapat dipertahankan pada suatu tingkat yang boleh melindungi pendapatan sama ada pencarian pengeluar-pengeluar terutamanya pengeluar-pengeluar yang kecil, lagipun pihak pengguna-pengguna diminta untuk bersama-sama menanggung 50% daripada jumlah perbelanjaan operasi stok penimbal dan tidak kesemua perbelanjaannya ditanggung oleh pihak pengeluar sahaja. Bagi barang-barang yang tidak dapat disimpan lama pula seperti minyak kelapa sawit, pihak Kerajaan sedang berusaha untuk meningkatkan produktiviti mutu pengeluaran serta usaha-usaha memproses dan menambah kegunaan barang-barang tersebut untuk meningkatkan lagi harta serta pendapatan, di samping itu usaha-usaha seperti ini di peringkat antarabangsa juga sedang dirundingkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya kita percaya kepentingan kita akan dapat dijaga dengan lebih baik melalui kerjasama antara pengeluar-pengeluar dan pengguna-pengguna dan bukannya berasaskan kepada konfrontasi antara kedua-dua pihak. Ini adalah penting terutama sekali kita masih lagi mendapati masalah market access bagi barangan utama sama ada dalam bentuk mentah, separuh mentah ataupun yang telah diproses. Walaupun kita telah mencapai kemajuan dalam mengurangkan sekatan-sekatan perdagangan yang berupa tariff ataupun bukan tariff masih banyak lagi yang perlu dibuat bagi mencapai satu suasana perdagangan yang lebih saksama bagi barangan-barangan utama.

Dalam konteks kerjasama antarabangsa, penubuhan tabung bersama (Common Fund) akan dapat menolong mewujudkan langkah-langkah bagi memperbaiki keadaan pasaran dan pengeluaran barangan utama yang akan memberi faedah kepada Malaysia.

PENCEROBOHAN KE ATAS KAPAL PUKAT TUNDA

7. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan Kerajaan terhadap pencerobohan kapal-kapal pukat tunda dan pukat rawa sorong diperairan pantai Pulau Langkawi, Kuala Selinsing dan di Pulau Pinang, mengakibatkan nelayan-nelayan pantai kekurangan pendapatan dan berapakah bilangan kes-kes pencerobohan ini dapat ditangkap.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, untuk mencegah pencerobohan bot-bot pukat tunda dan pukat rawa di perairan pantai Pulau Langkawi, Kuala Selinsing dan Pulau Pinang, Kerajaan mengadakan rondaan lebih kerap di kawasan tersebut. Rondaan tersebut adalah melibatkan Jabatan Perikanan dan Jabatan Polis Laut. Bot-bot yang bersalah akan ditangkap dan di bawa ke mahkamah atau dikompaun dengan lebih berat. Bot-bot haram yang telah ditangkap pada tahun 1980 sehingga bulan Oktober ini di kawasan Pulau Pinang, Kedah dan Perak adalah sebanyak 187 yang mana 20 telahpun dihadapkan ke mahkamah dan 167 dikompaun.

DASAR EKONOMI BARU—KENYA-TAAN HAJI SUHAIMI

8. Dr. Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Haji Suhaimi bin Dato' Kamaruddin Ketua Pemuda UMNO, untuk menyusun semula masyarakat dengan membantut kemajuan orang-orang bukan bumiputra telah menimbulkan ketakutan dan kebimbangan, dan sama ada beliau akan memberi jaminan bahawa dasar ekonomi baru adalah bertujuan untuk menguntungkan semua rakyat Malaysia dan tidak akan dipengaruhi oleh apa-apa yang dikatakan oleh Haji Suhaimi.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum Dasar Ekonomi Baru adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang berkembang. Dasar itu telah memberi jaminan bahawa tidak ada mana-mana pihak mengalami kerugian atau terasa diketepikan melainkan semua mendapat faedah belaka. Yang penting ialah supaya masyarakat kita dari semua kaum dapat turut serta dalam segala kegiatan ekonomi negara ini. Mereka yang sudah teguh kedudukannya dalam sesuatu bidang seperti perniagaan dan perusahaan haruslah bekerjasama dan membantu pihak yang baru mula atau yang lemah, hanya semangat ini yang boleh menjayakan Dasar Ekonomi Baru kita dan Kerajaan akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan dasar itu. Oleh yang demikian, soal ketakutan dan kebimbangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah timbul.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan adakah beliau menyetujui kenyataan yang dibuat oleh Ketua Pemuda UMNO Malaysia telah menimbulkan ketakutan kepada rakyat dalam negeri ini atau ketakutan yang mungkin timbul dari kenyataan perkauman oleh pemimpin-pemimpin parti Pembangkang seperti adanya first-class citizens dan second-class citizens discrimination di kalangan kaum di negara ini dan hak-hak yang tidak ada kepada kaum-kaum lain daripada kaum bumiputra di negara ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kebimbangan atau ketakutan yang saya tahu tidak ada tetapi saya menjawab tadi soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu mungkin barangkali ketakutan itu ada juga setengah-setengah pihak tetapi itu tidak kita ketahui yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Endut.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 9.

Tuan Yang di-Pertua: Soal ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Panti.

PERTUBUHAN ANGKATAN SABILULLAH (P.A.S.)

9. Tuan Yusof bin Malim Kuning (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar akan penyakit masyarakat seperti menyebabkan pecah belah sesama sendiri dan amalan pulau memulau di kalangan orang-orang kampung adakah peranan-peranan yang dimainkan oleh pakatan sulit PAS dan "Kitab Mutiara" iaitu asas pegangan mereka sungguhpun kitab ini diharamkan. Jika ya, apakah tindakan pihak yang berkuasa berhubung dengan perkara ini supaya rakyat boleh berada dalam keadaan aman sentosa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Kerajaan semanganya menyedari tentang kegiatan sebuah pertubuhan haram yang dikenali sebagai Pertubuhan Angkatan Sabilullah dan disebabkan tindakan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negerilah kegiatan-kegiatan pertubuhan haram ini dibongkarkan. Sehingga ini seramai 20 orang pemimpin dan anggota Pertubuhan Angkatan Sabilullah telah diambil tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Hasil dari tindakan tersebut pertubuhan itu kini sudah dapat diamankan, dengan itu tidaklah perlu dikhuatirkan lagi mengenainya. Berdasarkan kepada maklumat yang ada, Pertubuhan Angkatan Sabilullah tidaklah menjadikan Kitab Mutiara sebagai asas pegangan mereka.

**UCAPAN Y.B. HAJI JELANI DAN Y.B.
HAJI SUHAIMI KAMARUDDIN
LAPORAN POLIS**

10. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan dalam penyiasatan kes ke atas ucapan Y.B. Haji Jelani dan Y.B. Haji Suhaimi Kamaruddin ketika berucap di Persidangan Pemuda UMNO baru-baru di Kuala Lumpur. Laporan Polis berkenaan dibuat oleh Y.B. Lee Lam Thye (Ahli Parlimen kawasan Kuala Lumpur Bandar) dan Y.B. Kuppusamy (Ahli Dewan Undangan Negeri Sembilan kawasan Rasah).

12. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap laporan polis yang dibuat oleh Y.B. Lee Lam Thye dan Y.B. M. Kuppusamy terhadap Y.B. Haji Suhaimi Kamaruddin, Ketua Pemuda UMNO dan wakil UMNO Kelantan, Haji Jelani Jaafar, masing-masing kerana melakukan kesalahan hasutan dengan mencabar issue-issue "sensitif" yang "entrenched" dalam perlembagaan, yakni Perkara 152, dengan seruan Haji Suhaimi supaya Fasal 21 (2) Akta Pelajaran 1961 dikuatkuasakan dan seruan Haji Jelani supaya sekolah-sekolah rendah China dan Tamil ditutup.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin menjawab bersekali kedua-dua soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Ahli Yang Berhormat dari Petaling (Soalan No. 12) kerana soalan ini adalah mengenai perkara yang sama.

Siasatan bersangkutan dengan ucapan Yang Berhormat Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin di Persidangan UMNO baru-baru ini telahpun selesai. Ucapan beliau terkandung dalam satu teks dan teks tersebut telah dikaji dengan teliti dan didapati mengikut teks itu apa yang diucapkan tidak bertentangan dengan Akta Hasutan 1948. Ucapan itu hanya mendesak Kerajaan melaksanakan peruntukan undang-undang, iaitu seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961, yang telah diluluskan oleh Parlimen. Ucapan itu tidak sama sekali menyoalkan hak yang dilindungi oleh Fasal 152 Perlembagaan Persekutuan dan dengan itu tidak melanggar Akta Hasutan 1948. Oleh yang demikian, tiada apa-apa tindakan yang boleh diambil terhadap Yang Berhormat Haji Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin.

Mengenai ucapan yang dibuat oleh Haji Jelani bin Jaafar di Persidangan yang sama, adalah didapati ucapan itu dibuat dengan cara lisan yang dilaporkan oleh surat-surat khabar tempatan. Siasatan sedang dijalankan untuk menentukan terlebih dahulu sama ada ucapan yang disiarkan itu benar-benar dibuat oleh beliau ataupun tidak.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun satu seruan yang dibuat atas Seksyen 21 (2) Akta Pelajaran 1961 ialah satu Akta yang diluluskan oleh Dewan yang mulia ini tetapi oleh kerana dalam tahun 1971 ada pindaan kepada Perlembagaan di mana ada beberapa perkara, termasuk Perkara 152 dalam Perlembagaan, telah dimaktub dan tidak boleh disoalkan.

Seksyen 21 (2) yang memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran untuk menukar Sekolah-sekolah Jenis Cina dan Tamil kepada Sekolah-sekolah Kebangsaan kalau dibuat tanpa persetujuan ialah satu pelanggaran atau satu issue dan adakah keputusan tidak akan ambil apa-apa tindakan terhadap Yang Berhormat Tuan Haji Suhaimi membuat seruan itu atas sebab antaranya oleh kerana beliau sudah jadi Timbalan Menteri?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya apa yang diperkatakan itu tidak benar.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa berkali-kali di Dewan yang mulia ini soalan telah dikemukakan untuk memansuhkan Perkara 21 (2) Akta Pelajaran 1961. Adakah permohonan atau permintaan untuk memansuhkan Perkara 21 (2) di bawah Akta Pelajaran ini melanggar Akta Hasutan, 1948.

Tuan Yang di-Pertua: Ini ada hubungan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Yang disoalkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Suhaimi mengikut jawapan tadi ialah pelaksanaan. Menyoal pelaksanaan tidak menjadi satu kesalahan di bawah Akta Hasutan. Sudah ada jawapannya. Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, soalan tambahan. Mengenai siasatan atas apa yang ada dicakapkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Jelani Jaafar di Persidangan Mesyuarat Pemuda UMNO, adakah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri sedar ada satu kes dalam tahun 1971 di mana Mahkamah Persekutuan ada membuat satu keputusan, apa-apa tindakan seperti menghapuskan Sekolah-sekolah Cina atau Tamil menjadi satu kesalahan di bawah Akta Hasutan, 1948. Apa yang Timbalan Menteri baru-baru ini menjawab, beliau berkata siasatan sedang dijalankan untuk menentukan terlebih dahulu sama ada ucapan yang disiarkan dalam surat-surat khabar tempatan itu benar dibuat oleh beliau ataupun tidak.

Tuan Speaker, saya hairan kerana sampai hari ini Haji Jelani tidak menafikan apa yang ada di dalam surat-surat khabar tempatan atas apa yang dilaporkan dalam surat-surat khabar ini. Laporan dibuat oleh Yang Berhormat Lee Lam Thye dan juga Yang Berhormat M. Kuppusamy Ahli Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan dalam bulan Ogos dan sampai hari ini tidak ada apa-apa siasatan yang sudah tamat. Jikalau Haji Jelani tidak nafikan, Tuan Speaker, tidaklah payah untuk membuat siasatan—terus berkas, tangkap Haji Jelani dan tuduh dalam mahkamah oleh kerana sudah satu precedent, satu kes Mahkamah Persekutuan atas perkara itu, tidak payah ada siasatan dalam perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini adakah Timbalan Menteri atau Kerajaan bercadang terus berkas, tangkap Haji Jelani dan terus masukkan perkara ini dalam mahkamah?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang saya jawab tadi, perkara mengenai dengan Haji Jelani ini masih di dalam siasatan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa berdasarkan Perkara 152 dalam Perlembagaan dengan menyelaraskan semua jenis sekolah-sekolah dengan satu dasar persekolahan tidak akan menghalang bahasa Cina dan bahasa Tamil diajar dan dipelajari. Oleh itu apakah boleh Kerajaan mengadakan satu jenis persekolahan yang di dalamnya dapat diajar dan dipelajari bahasa Cina dan

bahasa Tamil di samping Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa utama agar dapat mewujudkan satu persefahaman dan memupuk kesedaran nasional melalui persekolahan dan pendidikan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sudah di luar daripada soalan asal. Pertanyaan ini jelas iaitu tindakan-tindakan yang diambil kepada dua Ahli Yang Berhormat yang telah membuat kenyataan yang diperkatakan oleh pihak yang bertanya iaitu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dan Yang Berhormat dari Petaling bahawa kedua-duanya ialah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Hasutan iaitu sebagai Fasal 21 (2) Akta Pelajaran itu dikuatkuasakan, tetapi pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menjawab tadi.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Tuan Haji Suhaimi sudah selesai siasatan, didapati tidak ada apa-apa kerana mempersoalkan pelaksanaan Fasal 21 (2) Akta Pelajaran itu, tetapi Yang Berhormat Tuan Haji Jelani siasatan masih belum selesai. Jadi kalau belum selesai kita tunggu sahajalah bila sudah selesai nanti.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa pihak yang berkenaan menghadapi kesukaran atas kes Haji Jelani bin Jaafar ini oleh kerana ucapannya bukan dibuat di satu tempat yang jauh atau di mesyuarat yang kecil, tetapi dibuat di satu Mesyuarat Agung UMNO di mana Yang Berhormat Menteri-menteri termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri pun ada, pun boleh jadi saksi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu kenapa begitu susah menghabiskan siasatan semacam ini?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak ada di mesyuarat itu. Mengenai siasatan ini kenalah pihak kita mengambil masa sedikit dan berteliti.

DASAR EKONOMI BARU/DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN— GURU-GURU

11. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar bahawa ramai daripada kalangan guru-guru

di negara ini tidak memahami dasar-dasar Kerajaan kita, seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan sebagainya dan jika benar apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengatasinya, memandangkan bahawa guru-guru adalah kalangan yang memainkan peranan penting dalam menanamkan semangat perpaduan negara kita.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk menentukan sama ada benar ramai daripada kalangan guru-guru di negara ini tidak memahami dasar-dasar Kerajaan kita oleh kerana tidak ada kajian yang dibuat mengenainya. Walau bagaimanapun adalah diketahui umum bahawa guru sebagai satu kumpulan yang terpelajar yang sentiasa mengikuti perkembangan di tanahair sama ada dengan membaca akhbar-akhbar tempatan ataupun melalui media masa adalah golongan yang lebih memahami mengenai dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan sebagainya.

Di samping itu, Kementerian saya bersama-sama dengan badan-badan Kerajaan yang lain ada dari masa ke semasa mengadakan seminar, kursus Tata negara dan sebagainya kepada guru-guru mengenai perkembangan semasa dan dasar-dasar Kerajaan yang kemaskini di dalam kursus-kursus yang diikuti oleh pelatih di Maktab Perguruan Kementerian Pelajaran dasar-dasar Kerajaan seperti Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Ekonomi Baru adalah perkara dalam kurikulum Maktab Perguruan. Begitu juga guru-guru yang mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Kementerian untuk meningkatkan prestasi pengajaran mereka ada diberi taklimat mengenai perkara-perkara yang disebutkan untuk mengemaskinikan pengetahuan mereka berhubung dengan dasar-dasar Kerajaan.

GURU—TARAF RAWATAN HOSPITAL

13. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar mengikut tanggagaji guru-guru sekarang, sebahagian dari guru-guru jika sakit yang mesti dirawat di Hospital hanya

dibenarkan masuk Wad Kelas Tiga sahaja pada hal sebelumnya mereka berhak sekurang-kurangnya di dalam Wad Kelas Dua; jika sedar, apakah tindakan beliau supaya guru-guru yang patut berubat di Hospital sekurang-kurangnya masuk di dalam Wad Kelas Dua.

Datuk Pengiran Othman bin Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya kedudukan kelayakan dan bayaran wad di Hospital Kerajaan bagi guru-guru dan pegawai-pegawai lain yang berkenaan telahpun diperbaiki dengan memulihkan semula kelayakan mereka seperti sebelum pelaksanaan gaji baru pada 1-7-1980.

PERSIDANGAN KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL

14. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan dan kenyataan yang dicapai semasa persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di India baru-baru ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, hasil yang dicapai di dalam Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel Serantau Asia dan Pacific di New Delhi adalah sebagaimana yang disebutkan dalam "Communique" persidangan itu. Secara ringkas:

- (1) Berkenaan dengan kerjasama serantau, ahli-ahli CHOGRM yang lebih maju menyokong sepenuhnya rancangan meluaskan lagi bidang bantuannya kepada ahli-ahli CHOGRM yang kurang maju. Malaysia telah mengadakan Rancangan Bantuan Teknikal kepada ahli-ahli CHOGRM yang sedang membangun dan baru mencapai kemerdekaan.
- (2) Berkenaan dengan dadah, persidangan itu menerima pandangan Malaysia bahawa perkara penyalahgunaan dadah bukan hanya masalah sosial tetapi juga sebagai ancaman keselamatan kepada negara. Ini adalah pertama kalinya pandangan Malaysia ini diterima di antarabangsa.
- (3) Dalam bidang perusahaan pula, persidangan itu telah bersetuju menubuhkan sebuah kumpulan kerja berkenaan

dengan perindustrian supaya mengkaji cadangan-cadangan kerjasama perusahaan di antara ahli-ahli CHOGRM.

- (4) Dalam bidang pertanian persidangan itu bersetuju melantik sebuah kumpulan pakar-pakar penyelidik untuk meneliti dan mengesyorkan rancangan kerjasama pertanian di kalangan ahli-ahli CHOGRM.
- (5) Berkenaan dengan Kampuchea dan Afghanistan, persidangan itu memandang berat tentang keadaan di negara-negara itu dan mendesak supaya pihak-pihak yang berkenaan mencari penyelesaian secara aman untuk membolehkan rakyat di negara-negara itu menentukan masa depannya tanpa campurtangan dari luar.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, selepas persidangan di New Delhi, Perdana Menteri Australia, Encik Malcolm Fraser, ada berkata di dalam satu perbincangan untuk mendapat persetujuan memperkuatkan Treaty Pertahanan 5 negara yang meliputi Australia, New Zealand, Singapore, Malaysia dan Britain bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan apa yang telah dipersetujui dalam perkara itu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, supaya jangan salah faham, apa yang dipersetujui berkenaan dengan cadangan Perdana Menteri Australia itu ialah latihan bersama di antara negara-negara yang menjadi anggota Perjanjian Pertahanan 5 Kuasa itu. Ini bukanlah bertujuan membentuk sebuah "military bloc". Apa yang di cadangkan oleh Perdana Menteri Australia ialah di bawah naungan atau Perjanjian Pertahanan 5 kuasa mengenai latihan bersama di antara negara-negara itu.

PEKERJA SWASTA—KENAIKAN GAJI KERANA INFLASI

15. Tuan Fung Ket Weng minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menaikkan gaji pekerja-pekerja di swasta akibat dari kenaikan kos sara hidup dan inflasi.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, gaji dan syarat-syarat perkhidmatan pekerja-pekerja di sektor swasta pada amnya adalah ditentukan oleh kesatuan sekerja dan majikan melalui proses tawaran bersama seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Apa-apa juga kenaikan dalam kos sara hidup adalah diambil kira oleh kedua-dua pihak di dalam tawaran bersama itu dan adalah dicerminkan di dalam perjanjian bersama yang dipersetujui oleh mereka. Perjanjian-perjanjian bersama ini biasanya dikaji semula tiap-tiap tiga tahun. Oleh yang demikian, apa-apa juga perubahan yang timbul sama ada melalui inflasi atau lain-lain adalah dikaji semula dari masa ke semasa dan diambil kira apabila merundingkan perjanjian bersama yang baru. Di mana pekerja-pekerja tidak mempunyai kesatuan sekerja, pegawai-pegawai Kementerian saya menjalankan pemeriksaan ke tempat-tempat pekerjaan itu di mana pekerja-pekerja tersebut digaji untuk menentukan bukan sahaja peruntukan-peruntukan minima berbagai undang-undang buruh adalah dipatuhi, tetapi juga gaji yang berpatutan adalah dibayar kepada pekerja-pekerja tersebut. Inilah peraturan yang diikuti dan diamalkan di dalam negara kita dan telah mencapai kejayaan yang memuaskan.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Haji Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa hari ini pekerja-pekerja swasta merasa bahawa gaji yang diterima oleh mereka begitu rendah jika dibandingkan dengan kos kehidupan yang meningkat ialah kerana mereka membandingkan kenaikan gaji mereka dengan kenaikan gaji pegawai-pegawai Kerajaan. Hari ini pihak Kerajaan kita telah menaikkan gaji pekerja-pekerjanya dengan begitu tinggi sekali. Jadi, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk mewujudkan pusat-pusat latihan yang mana pihak swasta juga boleh menghantar pekerja-pekerja mereka untuk diberi latihan, oleh kerana kenaikan gaji, pekerja Kerajaan meningkat tinggi oleh kerana negara membangun, tetapi gaji pekerja swasta hanya boleh dinaikkan oleh majikan berbandingkan dengan kenaikan gaji pekerja-pekerja itu sendiri.

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan itu jauh daripada pertanyaan asal. Walau bagaimanapun, kadar inflasi atau beban inflasi dan gaji yang sewajarnya untuk pekerja swasta telah saya jawab tadi. Mengenai perbandingan gaji di sektor swasta dengan gaji pegawai Kerajaan yang baru dibayar, rasa rasa beberapa kali kita telah menjelaskan bahawa perbandingan itu sukar hendak dibuat kerana kriteria yang digunakan di kedua-dua sektor itu adalah berlainan, tetapi kita dapat mengatakan bahawa gaji pegawai-pegawai Kerajaan itu adalah juga dikaji dari semasa ke semasa dan pada bulan Julai, 1980 itu gaji yang diubah itu adalah 4 tahun gaji yang dipinda melalui Gaji Kabinet dahulu. Jadi perbandingan itu tidaklah begitu tepat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi jawab mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 22 adalah di bawah ini).

LESEN SENJATA API DI SABAH— TUKAR MILIK

16. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapakah Jabatan Polis di Sabah gagal menyasat dan mengambil langkah tertentu berkenaan perkara berikut:

- (a) perwarisan pemilikan senjata-pemilikan menurut Adat dan Undang-undang Peribumi yang disarankan oleh Mahkamah Peribumi Sabah untuk tukar milik dari yang si mati kepada anak atau saudaranya yang telah mencapai umur 21 tahun dan tiada rekod jenayah; dan
- (b) permohonan lesen senjata-pemilikan dan permit yang dihantar oleh Peladang-peladang Bumiputra dan mengapa tiada tindakan diambil oleh pegawai-pegawai berkenaan selama bertahun-tahun.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

- (a) Dakwaan Ahli Yang Berhormat yang mengatakan bahawa Jabatan Polis Sabah gagal menyasat dan mengambil langkah berhubung dengan permohonan tukar milik lesen senjata-pemilikan dari si mati kepada anak atau anak saudara adalah tidak benar. Pengeluaran lesen senjata-pemilikan

tidaklah semata-mata berdasarkan kepada perwarisan tetapi adalah juga tertakluk kepada lain-lain syarat tertentu memandangkan bahawa pemilikan senjata-pemilikan mempunyai implikasi keselamatan. Satu-satu permohonan yang mempunyai semua syarat-syarat yang telah ditetapkan itu akan diberi pertimbangan yang sewajarnya.

- (b) Mengenai soalan (b), pada keseluruhannya tidak ada masalah atau kelewatan yang tidak munasabah berhubung dengan permohonan lesen senjata-pemilikan oleh peladang-peladang yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

TEKSI—PEMILIK YANG MEMANDU

17. Tuan Kamaluddin bin Maamor: minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah teksi yang dimiliki oleh tuan punya yang bukan memandu;
- (b) jumlah tuan punya teksi sama ada yang memiliki teksi yang lebih dari satu;
- (c) tindakan Kementerian ini bagi memastikan semua teksi adalah dimiliki oleh tuan punya yang memandu sendiri.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Rafidah Aziz):

- (a) Setakat masa ini adalah dianggarkan bahawa kira-kira 7,000 teksi dimiliki oleh mereka yang bukan memandu iaitu 60% daripada seluruh bilangan kereta sewa/teksi.
- (b) Bolehlah dikatakan hampir semua pemilik-pemilik yang memandu teksi mempunyai satu teksi sahaja. Mengenai pemilik-pemilik yang tidak memandu adalah dianggarkan lebih daripada separuh daripada mereka mempunyai hanya satu teksi sahaja. Kementerian saya sedang menjalankan usaha untuk menyediakan butir-butir yang kemas-kini seperti yang diminta.
- (c) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah menjalankan temuduga bagi memastikan hanya mereka yang betul-betul layak dan mempunyai lesen memandu teksi diberi lesen. Bagi mereka yang telah diberi lesen di bawah dasar baru adalah dikehendaki

mempamerkan dengan jelas permit dan gambar lesen di dalam teks tersebut. Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan dengan kerjasama daripada Bahagian Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan akan memastikan perkara tersebut berjalan dengan lancar.

PERSIDANGAN SERANTAU KETUA-KETUA NEGARA KOMANWEL DI NEW DELHI

18. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau telah membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan keselamatan di rantau Asia Tenggara dengan pemimpin-pemimpin negara Australia, New Zealand dan Singapura semasa di Persidangan Serantau Ketua-ketua Negara Komanwel di New Delhi pada awal bulan September, tahun ini, dan jika ya, apakah perkara-perkara pokok yang dibincangkan dan sama ada perbincangan untuk mewujudkan satu "military bloc" yang mengandungi Britain, New Zealand, Australia, Singapura dan Malaysia yang kini menjadi anggota-anggota pakatan Pertahanan Lima Negara yang ditandatangani dalam tahun 1971 jua diadakan.

Perdana Menteri: Saya ada bertukar-tukar fikiran dan pendapat terutamanya dengan Perdana Menteri Australia berkenaan dengan perkara-perkara keselamatan di rantau Asia Tenggara. Perkara pokok yang dibincangkan ialah niat jangka panjang Soviet Union di Tenggara Asia dan Vietnam di Indochina. Kami tidak membincangkan hendak mengadakan sebuah "military bloc".

KEBAKARAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

19. Tuan Lee Lam Thye: Minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (a) berapakah banyak kebakaran yang berlaku di Wilayah Persekutuan sehingga akhir September, 1980 dan berapakah jumlah pampasan yang telah dibayar kepada mangsa-mangsa berkenaan, dan berapakah jumlah anggaran kerugian berikutan kejadian-kejadian kebakaran itu;

(b) Sama ada apa-apa penyiataan ada dijalankan mengenai beberapa kejadian kebakaran di Wilayah Persekutuan dan apakah keputusan penyiataan-penyiataan tersebut; dan

(c) Apakah langkah yang telah diambil setakat ini oleh Kementeriannya dalam menentukan mutu kecekapan Jabatan Bomba dalam memadamkan api dan juga mengenai penubuhan pasukan pemadam api yang melibatkan penyer-taan orang ramai terutamanya di kampung-kampung baru.

Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Amar Abdul Taib bin Mahmud):

(a) Jumlah kebakaran yang berlaku di Wilayah Persekutuan sehingga akhir bulan September, 1980 ialah 680 dan pecahan-pecahan kepada jenisnya adalah seperti berikut:

| | | |
|-----------------|--------|-----|
| Rumah Kediaman | ... | 46 |
| Rumah Kedai | | 46 |
| Hotel | | 4 |
| Pejabat | | 6 |
| Kilang | | 25 |
| Setor | | 17 |
| Kenderaan | | 63 |
| Letrik | | 41 |
| Dapur Gas | | 27 |
| Tumbuh-tumbuhan | ... | 364 |
| Lain-lain | | 41 |

Kementerian Wilayah Persekutuan tidak membuat apa-apa bayaran pampasan kepada mangsa-mangsa kebakaran. Jumlah anggaran kerugian berikutan kejadian-kejadian kebakaran itu ialah \$14,270,000.

(b) Jika penyiataan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah "inquiry" maka tidak ada yang dijalankan setakat ini kerana tidak ada sebab-sebab tertentu yang memerlukannya. Penyiataan-penyiataan biasa untuk menyiapkan laporan-laporan kebakaran bagi rekod dan kegunaan Jabatan Bomba sendiri memang ada dijalankan atas setiap kebakaran yang dihadapi.

(c) Langkah-langkah bagi meninggikan mutu kecekapan dan perkhidmatan Bomba di Wilayah Persekutuan telah diambil oleh Jabatan Bomba Wilayah

Persekutuan yang di bawah jagaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat langkah-langkah itu ialah:

- (i) Menambahkan balai-balai bomba baharu. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, enam buah telah dimasukkan dan setakat ini tiga buah telah siap iaitu Balai Pantai, Balai Jinjang dan Balai Sungai Besi. Satu dijangka siap dalam bulan Disember tahun ini iaitu di Kampung Konggo dan satu lagi sedang dalam pembinaan iaitu di Jalan Ayer Jernih, Setapak. Balai Kampung Keramat belum dapat dimulakan kerana masalah tapak.
- (ii) Menambah bilangan pegawai-pegawai dan anggota. Sekarang ini jumlah kakitangan ialah 398 orang berbanding dengan 226 orang di akhir Rancangan Malaysia Kedua.
- (iii) Membeli kereta-kereta bomba yang sesuai bagi kegunaan di Bandaraya Kuala Lumpur. Baru-baru ini kereta jenis "Sky-lift" yang boleh menjangkau setinggi 100 kaki telah diperolehi. Dijangkakan sebuah lagi yang boleh menjangkau setinggi 140 kaki akan sampai dari luar negeri di akhir bulan November 1980 ini.
- (iv) Latihan-latihan intensif sentiasa dijalankan oleh pegawai-pegawai dan anggota bomba dalam perediaan menghadapi kebakaran ini.

JABATAN PENDAFTARAN KOTA KINABALU—SINDIKIT MENJUAL KAD PENGENALAN

20. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menjalankan penyiasatan segera berkenaan perkara berikut:

- (a) pihak awam telah mendakwa iaitu terdapat pegawai-pegawai di Jabatan Pendaftaran Negeri, Kota Kinabalu memproses kad-kad pengenalan biru dan menjual kad-kad tersebut kepada pelarian Filipina di Residensi Pantai

Timur dengan harga M\$60.00 (enam puluh ringgit Malaysia) tiap-tiap satu; dan

- (b) jika kes di atas didapati benar, apakah bentuk hukuman akan dikenakan oleh Kerajaan terhadap mereka yang bertanggungjawab kerana betapa serius jenayah yang dilakukan dan mengancam keselamatan dalam negeri Sabah dan Malaysia pada amnya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan yang tersebut adalah tidak benar kerana setakat ini tidak ada kad pengenalan biru yang dijual kepada pelarian-pelarian Filipina.

Oleh itu, soalan kedua daripada Yang Berhormat tidaklah berbangkit. Walau bagaimanapun, sekiranya pada masa-masa akan datang perkara tersebut benar berlaku tindakan dari segi undang-undang akan diambil.

PAWAGAM DIDIRIKAN OLEH AGENSI KERAJAAN/PENGUSAHA BUMIPUTRA

21. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah pawagam yang telah didirikan oleh Agensi-agensi Kerajaan seperti PKEN, UDA dan sebagainya di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.
- (b) jumlah pawagam yang didirikan oleh Pengusaha Bumiputra sama ada dengan secara persendirian atau dengan bantuan/pinjaman Agensi-agensi Kerajaan seperti di atas; dan
- (c) sama ada Kerajaan berpuashati dengan jumlah pawagam yang telah didirikan oleh Agensi-agensi Kerajaan dan Pengusaha Bumiputra, jika tidak, apakah tindakan Kementerian ini bagi mewujudkan lebih banyak lagi Pawagam yang dimiliki oleh Agensi-agensi Kerajaan dan Pengusaha Bumiputra bagi mengatasi pawagam-pawagam yang sedia ada dari segi tayangan filem-filem Melayu dan filem-filem yang diimport oleh pengusaha-pengusaha Bumiputra.

Datin Paduka Rafidah Aziz:

- (a) Jumlah pawagam yang telah didirikan oleh agensi-agensi Kerajaan di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ialah tujuh.
- (b) Jumlah pawagam yang didirikan oleh pengusaha Bumiputra sama ada secara persendirian atau dengan bantuan/pinjaman agensi-agensi Kerajaan ialah tiga.
- (c) Pihak Kerajaan adalah sentiasa meneliti dan mengkaji perkembangan industri perfileman di negara ini, khususnya yang berkaitan dengan perusahaan filem-filem tempatan dan penyediaan pawagam-pawagam untuk pengusaha Bumiputra. Dalam hal ini, pihak Kerajaan melalui agensi-agensinya, sentiasa berusaha untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti menyewa atau memajak pawagam-pawagam yang telah dibina dan dimajukan oleh badan-badan berkanun dan swasta, ataupun membeli pawagam-pawagam berkenaan, di samping berusaha mendirikan pawagam-pawagam yang baru, berdasarkan keperluan dan "viabilitynya" dari semasa ke semasa.

**PERKHIDMATAN BAS MINI DI
KUALA LUMPUR**

22. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Kementerian ini puas hati dengan perjalanan bas mini di Kuala Lumpur bagi mengatasi masalah pengangkutan di sini dan rancangan Kementerian ini bagi meluaskan perkhidmatan bas mini ke bandar-bandar yang besar di seluruh negara dan bagi rancangan ini sila nyatakan jumlah permit bas mini yang telah dikeluarkan mengikut bandar-bandar dan sebab-sebab penerima permit tersebut tidak mengusahakan pengangkutan bas mini ini dan tindakan Kementerian ini terhadap mereka.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Pada masa ini pihak Kementerian sedang mengkaji kedudukan perkhidmatan bas mini di Kuala Lumpur. Buat masa ini Kementerian saya adalah berpuas hati dengan perkhidmatan yang ada bagi mengatasi masalah pengangkutan dan tidak bercadang untuk menambah pengeluaran permit yang dikeluarkan. Buat

masa ini Kementerian saya belum bercadang untuk meluaskan khidmatan ini ke lain-lain bandar. Setakat ini semua penerima-penerima permit-permit yang telah dikeluarkan di Kuala Lumpur telahpun menjalankan usaha pengangkutan bas mini masing-masing.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, (1981)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan jumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1981 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN TAMBAHAN (1980)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1980 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN
BANDAR (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG AJENSI
PEKERJAAN SWASTA**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengawal agensi pekerjaan swasta di Malaysia; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL-USUL

ATURAN URUSAN MESYUARAT

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus menimbangankan Perkara 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Dewan ini akan terus menimbangankan Perkara 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

3.43 ptg.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan dan dengan amat sukacitanya mengemukakan Usul seperti berikut:

Bahawa satu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'Ayattuddin al-Mu'Adzam Shah, Yang di-Pertuan Agong—

Mempersembahkan suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Melafazkan ikrar taat setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan pemilihan

Baginda itu Malaysia akan menempuh zaman yang bertambah-tambah makmur, aman sentosa selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, Tuanku Yahaya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, Tuanku Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah dipilih dan dilantik oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja, untuk menaiki Tahta Kerajaan sebagai Raja Memerintah bagi seluruh negara Malaysia, dan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang ketujuh. Seri Paduka Baginda telah ditabalkan pada 10hb Julai tahun ini.

Kuasa, tanggungjawab, kedaulatan dan kebesaran Seri Paduka Baginda adalah termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan. Baginda adalah teras pemerintahan Beraja dan Berpalimen. Baginda adalah juga lambang kedaulatan dan perpaduan negara.

Negara kita sedang menghadapi berbagai cabaran yang memerlukan taat setia yang tidak berbelah bagi daripada rakyat. Persefahaman dan perpaduan rakyat berbilang kaum, dari segenap lapisan masyarakat, adalah menjadi satu harapan dan matlamat negara. Usaha-usaha pembangunan negara yang dijalankan, adalah dengan tujuan untuk mencapai matlamat itu. Taat setia dan perpaduan adalah juga benteng yang amat kuat untuk menghadapi ancaman-ancaman dan musuh-musuh dari dalam dan luar negara.

Dewan ini merasa bangga di atas perlantikan seorang Raja Memerintah yang berpengalaman luas yang boleh memberi pimpinan dan panduan yang bijaksana, dan Dewan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda di atas perlantikannya itu. Dewan ini juga menyembahkan ikrar taat setianya kepada Seri Paduka Baginda. Marilah kita berdoa semoga dalam masa pemerintahan Seri Paduka Baginda, negara kita Malaysia akan dilimpahi rahmat, kemakmuran dan kesejahteraan. Amin yarabbil A'lam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

3.47 ptg.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul tersebut.

Di dalam dunia kita yang berbagai ragam ini Perlembagaan Kerajaan di negara ini ternyata sebagai satu susunan yang tersendiri (as a unique arrangement). Melaluinya kita dapat mengekalkan dan memelihara penghormatan yang tinggi terhadap kemuliaan adat resam Sistem Pemerintahan Beraja sebagaimana yang dilambangkan oleh jawatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Adat resam yang berterusan ini dibaharui setiap lima tahun apabila seorang Ketua Negara itu bersara dan seorang lain pula menggantikan tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di negara ini sangat bertuah mempunyai Yang di-Pertuan Agong dari Raja-Raja yang memerintah dengan kemurahan hati dan kebijaksanaan. Kita semua sesungguhnya memang beruntung dan mempunyai keistimewaan bahawa Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Yang di-Pertuan Agong yang pada masa ini menaiki Tahta. Kita tidak ragu-ragu bahawa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia pada kali ini akan merupakan pemerintahan yang sama mulia dan agungnya di samping mengawasi satu jangka masa yang akan menyaksikan satu pembangunan sosial dan ekonomi yang hebat dalam negara ini.

Sebagai Ketua Negara Duli Yang Maha Mulia melambangkan semangat rakyat kita yang sebenarnya iaitu satu semangat yang dapat mengatasi semua rintangan-rintangan yang terdapat di dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan berlainan bahasa ini. Sesungguhnya Duli Yang Maha Mulia adalah lambang dan menjadi tumpuan kebanggaan dan kesetiaan kita semua.

Bagi pihak semua rakyat yang kami wakili Dewan ini suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas pertabalan Duli Yang Maha Mulia menaiki Tahta dan berharap semoga Duli Yang Maha Mulia memerintah dengan gembira. Kami berjanji akan memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia dan negara ini dan akan berusaha sedaya-upaya kami untuk menjadikan Malaysia sebagai contoh perpaduan bangsa, Kerajaan yang demokratik dan makmur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul di atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini sekarang saya buka untuk perbahasan, dan saya akan memberi peluang terlebih dahulu kepada pemimpin-pemimpin atau wakil-wakil pemimpin-pemimpin parti-parti yang ada di dalam Dewan ini. Sila Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

3.50 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa satu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, di atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Saya bagi pihak Ahli-ahli parti saya dan saya sendiri mengucapkan tahniah di atas perlantikan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah sebagai Yang di-Pertuan Agong. Saya bagi pihak parti dan saya sendiri berasa sungguh bertuah mendapat seorang Raja yang terkenal dengan sifat-sifat mengambil berat terhadap rakyat. Pendek kata yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia itu ialah satu contoh yang patut ditauladani. Perhatian berat Baginda menunjukkan betapa kasihnya Baginda terhadap rakyatnya, khususnya kepada masalah dan kebajikan rakyat sepertimana yang dapat kita lihat dengan kehadiran dan lawatan Baginda ke peristiwa-peristiwa kebakaran dan lain-lain. Oleh kerana sifat-sifat ini saya percaya dan saya yakin rakyat jelata sentiasa menumpukan taat setia dan kasih sayang kepada Baginda. Sebagai seorang Raja yang berjiwa rakyat, Baginda juga telah mengambil berat dan sentiasa mendampingi rakyat untuk memahami hasrat dan aspirasinya.

Baginda juga mengambil berat tentang masalah-masalah pentadbiran negara dengan meninjau sendiri aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh berbagai agensi dan jabatan Kerajaan. Perhatian berat Baginda ini memberi perangsang kepada Kerajaan yang diperintah dan juga kepada pegawai dan kakitangannya. Saya merasa bertuah kerana semasa pemerintahan Baginda, Kementerian saya telah berjaya melancarkan beberapa projek yang besar seperti Pusat Penyelidikan Atom Tun Ismail (PUSPATI) di Bangi dan Pusat Teknologi Perusahaan Logam di SIRIM, Shah Alam dan sebagainya. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga telah memperkenankan meluluskan Akta Taman Negara yang merupakan perkembangan dan langkah yang positif ke arah perseimbangan pembangunan ekonomi dan alam sekitar. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda juga memang sudah terkenal di kalangan antarabangsa, dengan kebijaksanaan Baginda dalam hubungan diplomasi yang dijalankan bukan sahaja melalui urusan-urusan rasmi tetapi juga melalui perhubungan peribadi Baginda. Ini telah memupukkan perhubungan baik negara ini dengan negara-negara jiran dan telah mengharumkan negara ini di kalangan antarabangsa. .

Sebagai pemerintah Tertinggi Angkatan Tentera Persekutuan, Baginda Yang di-Pertuan Agong telah lebih daripada menyempurnakan tugas-tugas Baginda sebagaimana yang dikehendaki. Kehadiran Baginda di kawasan-kawasan operasi bersama dengan Angkatan Tentera kita dan perhatian berat Baginda ke atas kebajikan tentera-tentera kita menunjukkan kegigihan serta minat Baginda terhadap pertahanan negara.

Saya bagi pihak parti saya, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian saya serta saya sendiri berikrar menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Seri Paduka Baginda di atas perlantikan ini. Saya berdoa semoga Seri Paduka Baginda dilimpahkan kurnia serta taufik dan hidayah oleh Tuhan yang maha Esa semoga di bawah pemerintahan Baginda, negara ini akan terus mencapai keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

3.55 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Bagi pihak Pembangkang dan bagi parti DAP, saya berdiri untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa satu ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah dan untuk melafazkan ikrar taat setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sudah merdeka 23 tahun dan kita sekarang memasuki dekad lapan puluhan, satu dekad yang penuh dengan cabaran-cabaran, baikpun daripada luar negeri atau dalam negara kita oleh kerana negara kita adalah satu negara yang muda yang menghadapi banyak masalah-masalah sosio-ekonomi, political, kebudayaan dan lain-lain. Tetapi tidak boleh dinafikan bahawa semua rakyat Malaysia tidak kira kaum, tidak kira ugama, tidak kira bahasa, semua cintakan negara ini dan mahu negara ini makmur, aman, sentosa. Dan bagi pihak DAP dan penyokong-penyokong DAP sungguhpun ada fahaman yang berbeza daripada parti-parti pemerintah, tetapi atas kedaulatan negara, atas sovereignty negara dan mahu negara maju, makmur dan aman. Inilah saya rasa kita boleh ada satu tujuan yang bersama dan kita bersama-sama berharap dan yakin bahawa di bawah zaman pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda bahawa Malaysia kita boleh naik ke satu landasan yang lebih kukuh, yang lebih kuat daripada segi perpaduan negara, mengurangkan kemiskinan, meluaskan demokrasi, hak-hak asasi dan memberi satu asas (base) yang lebih kuat untuk membina satu generasi yang lebih bersatu-padu, yang lebih bertoleransi dan yang lebih bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama.

3.59 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi pihak parti saya, saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia merupakan satu peristiwa yang paling bersejarah bagi negara dan kita semua. Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah lambang perpaduan rakyat yang berbilang kaum dan agama. Kita sedang berada di tahap pembangunan yang penting. Terdapat banyak peluang-peluang di hadapan kita yang mana rakyat dan negara dapat menggunakan untuk menjadikan negara Malaysia sebuah masyarakat yang adil dan bersama. Namun demikian terdapat juga cabaran-cabaran dan masalah-masalah yang terpaksa kita hadapi dan selesaikan untuk mencapai tujuan-tujuan kemajuan dan pembangunan. Kita mesti bangkit sebagai rakyat Malaysia yang sebenar untuk memainkan peranan kita bukan sahaja untuk kepentingan persendirian tetapi yang lebih mustahak lagi untuk kepentingan negara yang lebih besar kerana pada akhirnya adalah perlu untuk menjamin yang negara kita kuat, selamat dan bersatu.

Kita semua terpaksa bekerja keras ke arah mencapai perpaduan nasional yang lebih besar, keamanan, kemakmuran dan keharmonian di negara ini. Kita amat sukacita mempunyai Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah menunjukkan persefahaman yang mendalam mengenai hasrat-hasrat, masalah-masalah dan keperluan-keperluan rakyat jelata. Ini adalah jelas memandangkan minat Kebawah Duli yang mendalam dan juga daripada perhatian persendirian Kebawah Duli terhadap kemajuan dan pembangunan negara, kebajikan rakyat jelatan serta soal menjamin keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

4.01 ptg.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk memberi sokongan yang tidak berbelah-bahagi di atas

persembahan ucapan setinggi-tinggi Kebawah Duli Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong yang dirakamkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Perdana Menteri sebentar tadi.

Rakyat di negara Malaysia sesungguhnya sangat bertuah mendapat seorang ketua negara yang dedikasi dan bijaksana seperti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang boleh menjadi pelindung dan bintang pedoman di dalam perjalanan rakyat berbagai bangsa, ugama dan kebudayaan menuju matlamat perpaduan dan kejayaan yang diperjuangkan sejak sebelum dan selepas merdeka.

Kebetulan sekali negara kita sedang langkah ke arah pintu pembangunan raksaksa Rancangan Malaysia Keempat maka dengan naiknya takhta Kebawah Duli akan memberi semangat dan keazaman yang berlipat ganda dan diharapkan segala-galanya berjalan lebih lancar, berkesan dan penuh kejayaan. Memang patutnya kita sebagai ahli-ahli yang dipilih oleh rakyat untuk duduk di dalam rumah yang mulia ini bersama-sama berikrar taat setia yang tidak berbelah-bahagi kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan kita yakin dengan izin Tuhan bertakhtanya Baginda akan membawa Malaysia ke arah dalam zaman yang bertambah makmur, aman sentosa selama-lamanya. Saya menyokong usul ini.

4.04 ptg.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul persembahkan satu ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong.

Negara kita yang kini berusia 23 tahun masa demi masa meningkat maju dengan melancarkan beberapa projek pembangunan untuk meningkatkan lagi taraf hidup rakyat. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai tiang negara, bahkan seluruh dunia dapat menyaksikan Baginda sebagai seorang raja yang sungguh-sungguh berjihad rakyat dan yang sentiasa mendampingi rakyat untuk

mengetahui problem-problem mereka. Rakyat negara kita berbangga sekali dapat memperolehi seorang ketua negara yang juga menunjukkan begitu minat sekali dalam bidang sukan. Tidak keterlaluan kalau saya mengatakan bahawa kita sebagai rakyat perlu mengucap setinggi-tinggi terima kasih kepada negeri Pahang kerana negeri itu telahpun melahirkan seorang putra yang menjadi ketua negara kita sehingga mengharumkan nama negara kita di dalam dan di luar negeri. Inilah satu-satu kemudahan atau kebaikan yang kita perolehi dalam sistem pemerintahan beraja iaitu sistem monarchy negara Malaysia yang kita cinta.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak MIC dan juga warganegara keturunan India, ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli di atas pemilihan Duli Yang Maha Mulia menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong yang kita kasih. Moga-moga saya berdoa Tuhan akan melanjutkan usia Kebawah Duli. Dergahayulah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian.

4.06 ptg.

Datuk James Ongkili (Tuaran): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan Negeri dan rakyat kita di Sabah, saya dengan hormatnya turut serta menyampaikan ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong yang ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Duli Yang Maha Mulia dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong, Kebawah Duli telah berkenan ke Sabah dan dalam lawatan rasmi Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Maha Mulia Tengku Ampuan dalam tahun 1976 rakyat jelata telah berpeluang berdamping mesra dengan Duli Yang Maha Mulia bersama. Duli Yang Maha Mulia pula telah berpeluang melihat dan meninjau keadaan negeri dan rakyat Kebawah Duli di sana. Dengan adanya lawatan itu dan lawatan-lawatan Kebawah Duli di masa akan datang maka dapatlah rakyat di Sabah lebih bersatu padu dengan rakyat kita di keseluruhan negara.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata di Sabah sesungguhnya berikrar terus taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka

Baginda demi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan lebih-lebih lagi di masa hadapan. Saya menyokong usul ini.

4.09 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi pihak Parti Islam SeMalaysia (PAS) dan bagi pihak diri saya sendiri untuk memberi sokongan yang kuat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas usul beliau yang dibentangkan dalam Dewan ini berhubung dengan persembahkan tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, kita telahpun dikurniai oleh Tuhan sebanyak tujuh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sejak kita mencapai kemerdekaan sampai hari ini. Masing-masing mempunyai keistimewaan-keistimewaan yang tertentu. Bagi Yang di-Pertuan Agong sekarang ini banyak keistimewaannya. Kalau tidak hendak membayangkan kata-kata, saya rasa memadai dengan saya lafaz atau saya katakan bahawa susah mulut hendak melafaz dan pen hendak menulis kebaikan-kebaikan dan keistimewaan-keistimewaan Kebawah Duli Yang di-Pertuan Agong kita pada masa ini. Maka di atas Usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari ini, sepatutnyalah seluruh rakyat jelata dalam negara ini dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini memberi sokongan yang penuh.

Bagi saya selain daripada memberi sokongan, saya berdoa kepada Allah moga-moga Allah melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Allah memberikan taufik dan hidayahNya kepada Duli Yang Maha Mulia di dalam memerintah negara kita ini moga-moga rakyat jelata mendapat kebahagiaan, keamanan dan kemakmuran buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Belud.

4.12 ptg.

Tan Sri Datuk Haji Mohamed Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ketua Parti USNO di Sabah

menyokong dengan sepenuhnya atas Usul ucapan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri di dalam Dewan ini atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Atas apa yang telah diterangkan di dalam ucapan Yang Amat Berhormat itu saya sokong dengan sepenuhnya. Dan saya berdoa mudah-mudahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dapat menjalankan takhta Kerajaannya buat selama-lamanya untuk keselamatan negara dan seterusnya rakyat di dalam negara Malaysia ini. Sekian, saya berdoa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

4.14 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bagi mewakili parti saya Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Sarawak untuk bersama-sama menyokong Usul yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mempersembahkan ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong. Dan saya turut serta melafadzkan ikrar taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda. Saya yakin dengan izin Allah, pemilihan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda akan dapat membawa kemajuan yang lebih pesat lagi dan memperbaiki lagi imej negara kita di dunia ini serta dapat membawa Malaysia ke zaman yang bertambah-tambah makmur, bahagia, aman sentosa selamanya.

Kita di Malaysia ini sungguh bertuah kerana mempunyai seorang Raja yang begitu mesra, yang begitu mengambil berat atas masalah dan kebajikan rakyat. Kemesraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dengan rakyat jelata telah melahirkan semangat persaudaraan dan perasaan muhibbah di kalangan rakyat dan menghasilkan perpaduan yang membolehkan negara ini mencatatkan kemajuan yang lebih sempurna bagi pembangunan fizikal di samping pembangunan sosial dan kerohanian. Kemesraan

dan perdampingan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong adalah ternyata dan telah menawan hati dan meningkatkan kepada rasa kasih sayang rakyat negara ini terhadap Raja dan Kerajaan Malaysia.

Rakyat Malaysia sangatlah bertuah kerana ekonomi negara kita telah bertambah baik tahun demi tahun, saya yakin bahawa di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang adil dan bijaksana, ekonomi negara kita ini akan terus pesat membangun dan kebajikan dan keselamatan dan keamanan serta keharmonian di kalangan rakyat jelata akan terjamin. Dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong serta Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri ke Sarawak pada bulan Oktober, 1979 sempena dengan Mesyuarat Majlis Raja-raja yang dilangsungkan di negeri itu, maka rakyat negeri Sarawak telah bertuah dan berkesempatan untuk menatap wajah baginda secara dekat. Ini telah melahirkan perasaan cinta rakyat terhadap Kebawah Duli Tuanku dan Raja Permaisuri Agong. Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia ke Sarawak telah juga meningkatkan lagi persefahaman dan kemesraan dan merapatkan lagi perhubungan di antara Kerajaan dan rakyat Negeri Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan dan rakyat di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya suka mengucapkan sekali lagi setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong dan mengulangi lafaz ikrar taat setia, Ahli-ahli parti saya dan rakyat di negeri Sarawak kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio.

4.16 ptg.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul yang telah dibawa dan dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Dewan

ini untuk memberi ucapan tahniah atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya bagi pihak Parti Berjasa mengambil kesempatan pada petang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong. Maka atas pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini merupakan satu peristiwa yang paling bersejarah bagi negara kita Malaysia dan kita semua bersyukur kehadrat Allah s.w.t. atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia sebagai Yang di-Pertuan Agong.

Kita umat Islam dalam negara ini haruslah bersyukur atas perlantikan Duli Yang Maha Mulia kerana sebagaimana umat Islam dan kita semua mengetahui Duli Yang Maha Mulia mengambil berat tentang kemajuan Islam di dalam negara ini.

Suka saya menyebutkan satu peristiwa yang tidak harus dilupakan oleh umat Islam dan rakyat di dalam negara ini iaitu Duli Yang Maha Mulia telah merasmikan satu perayaan Abad Ke-15 Tahun Hijrah yang telah diputuskan oleh negara-negara Islam di dalam dunia ini.

Hasil daripada pengisytiharan dan peras-mian Abad yang ke-15 Hijrah ini, Kerajaan kita di Malaysia telah membuat beberapa kegiatan-kegiatan untuk melahirkan betapa pentingnya umat Islam khususnya dalam negara kita ini mengetahui dengan jelas tentang civilisation dan tamadun yang telah dilalui oleh umat-umat Islam di masa yang lampau dan juga umat Islam harus mengetahui sumbangan yang telah diberi oleh Islam kepada manusia seluruh tentang perkembangan ilmu pengetahuan yang telah wujud pada zaman kita ini.

Dalam zaman kita sekarang terdapat peluang-peluang pembangunan untuk membangunkan negara kita ini melalui Rancangan Malaysia Ketiga dan yang keempat telah disusun oleh Kerajaan untuk melahirkan suatu pembahagian ekonomi bagi seluruh rakyat bagi negara kita ini. Duli Yang Maha Mulia telah mengambil berat memimpin rakyat, Kerajaan Malaysia, terutama sekali Duli Yang Maha Mulia mengambil berat menemui rakyat di dalam negara kita ini. Dengan hal yang demikian, ini akan

menimbulkan perasaan muhibbah dan perasaan kasih sayang di antara rakyat dengan Raja.

Saya bagi pihak diri saya sendiri dan umat Islam dalam negara ini mengambil peluang berdoa kepada Allah subhanahu wa taala supaya Allah s.w.t. melanjutkan usia Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya Duli Yang Maha Mulia dapat berkhidmat kepada rakyat dan negara ini.

Sekali lagi saya mengambil peluang menyokong usul ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jika tidak ada sesiapa Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap lagi, saya kemukakan untuk diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Diputuskan,

Bahawa satu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, Yang di-Pertuan Agong—

Mempersembahkan suatu ucapan setinggi-tinggi tahniah Kebawah Duli atas pemilihan Kebawah Duli menyandang jawatan Yang di-Pertuan Agong;

Melafazkan ikrar taat setia Dewan ini kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda, dan Dewan ini yakin dengan izin Allah, dengan pemilihan Baginda itu Malaysia akan menempuh zaman yang bertambah-tambah makmur, aman sentosa selama-lamanya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULANWANG PEMBANGUNAN PINDAAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.23 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Shah-rir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bersama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 dibaca kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966 bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan membiayai daripada Kumpulanwang Pembangunan Persekutuan projek-projek perbekalan air Negeri tanpa mengira sama ada sesebuah Negeri itu telah menubuhkan kumpulanwang khas bagi bekalan airnya ataupun tidak. Bagaimanapun, sekatan yang ada sekarang terhadap penggunaan Kumpulanwang Pembangunan Negeri berhubung dengan pembiayaan perbekalan air adalah terus dikekalkan. Pindaan ini akan dikuatkuasakan kebelakangan mulai dari 28hb Mac, 1969. Melalui satu pindaan dalam tahun 1969 peruntukan undang-undang yang ada sekarang mengenai perkara ini iaitu perenggan 1 (j) dalam Jadual Pertama Akta Kumpulanwang Pembangunan tahun 1966 mengandungi proviso yang mengenakan sekatan ke atas penggunaan wang daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi membiayai projek-projek bekalan air negeri di negeri-negeri yang telah mempunyai Kumpulanwang Bekalan Airnya sendiri. Proviso ini termasuk dalam Jadual Pertama Akta tersebut yang juga terpakai bagi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Ini telah menyebabkan sekatan yang dimaksudkan kepada Negeri itu telah juga sama-sama terkena kepada Kumpulanwang Pembangunan Persekutuan. Untuk membetulkan keadaan ini maka adalah perlu dipotong proviso di perenggan 1 (j) Jadual Pertama dan menghadkan sekatan ini hanya kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri dengan memasukkan sekatan itu di Seksyen 9 Akta berkenaan seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bekalan air adalah merupakan satu perkara di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Sungguhpun demikian, pada masa sekarang kebanyakan daripada projek-projek ini adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sama ada dengan cara memberi pinjaman ataupun secara langsung. Ini adalah memandangkan bahawa bekalan air merupakan satu kemudahan asas yang penting dari segi kesihatan, sosial dan pembangunan masyarakat sedangkan kebanyakan Kerajaan-kerajaan Negeri pula tidak berkemampuan untuk mengadakan kemudahan ini dengan lebih sempurna disebabkan penyediaannya memerlukan perbelanjaan yang besar. Oleh hal yang demikian, bantuan dari Kerajaan Persekutuan merupakan satu

sumber kewangan yang penting pada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membiayai projek-projek bekalan air mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini ialah juga untuk menyelaraskan dan menyesuaikan dengan Akta Kumpulanwang Bekalan Air Negeri, Tatacara Kewangan dan Perakaunan 1980 yang telah diluluskan oleh Dewan ini di persidangannya baharu-baharu ini. Salah satu daripada tujuan Akta ini ialah supaya Kerajaan-kerajaan Negeri menubuhkan Kumpulanwang Bekalan Air secara berasingan yang menggunakan sistem Akaun Perdagangan dan dikendalikan oleh satu pihak berkuasa bekalan air yang tersendiri. Oleh itu, pindaan-pindaan Undang-undang yang dicadangkan ini adalah sejajar dengan matlamat Akta itu. Dengan pindaan-pindaan Undang-undang yang dicadangkan ini penyelarasan peruntukan undang-undang dapat dibuat dengan peraturan-peraturan pembiayaan projek-projek perbekalan air yang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, soal di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan dibaca kali kedua, sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli dari Kota Melaka.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil bahagian atas perbincangan Undang-undang yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sebenarnya apa yang saya telah sebutkan pada beberapa bulan yang lepas juga ada berkaitan dengan pindaan ini, tetapi jawapan telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ketika Timbalan Menteri Kewangan mengulung perbincangan dengan point-point saya bangkitkan.

Saya masih ingat dalam ucapan saya itu, saya ada menyatakan kesal dan keciwa atas sikap dan tanggungjawab Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana kelalaian untuk menjawab point-point yang saya sebutkan dan saya harap hari ini bila saya sentuhkan point-point ini bolehlah dijawab atau diberikan satu jawapan yang lebih memuaskan.

Point pertama ialah tentu kita tidak menentang bahawa pindaan ini dibentangkan untuk menyelaraskan semua Jabatan-jabatan Air atau Lembaga Air yang ada di negeri-negeri ini dan juga Kumpulanwang mereka boleh dikoordinasikan supaya satu sistem akaun yang lebih kemas boleh diadakan untuk mengawasi atau menguruskan serta mentadbirkan akaun di tiap-tiap negeri yang berkenaan.

Point yang saya sebutkan pada masa-masa yang lampau ialah pertama soal nama atau panggilan pihak-pihak yang berkuasa, umpamanya, ada menyebutkan Jabatan Air ini sebagai Jabatan Air Negeri Johor atau Lembaga Air Melaka. Nampaknya nama ini tidak ada keselarasan di antara satu negeri dengan negeri yang lain. Maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bilakah satu tindakan akan diambil supaya nama-nama pihak-pihak berkuasa yang mentadbirkan bekalan air dan pengurusan air ini boleh diselaraskan dengan satu panggilan nama yang senang untuk diingat oleh rakyat kerana pada masa sekarang berbagai nama ada berlaku di Malaysia—Jabatan Air atau Lembaga Air dan lain-lainnya.

Point yang kedua ialah mengenai sistem akaun yang ditadbirkan oleh tiap-tiap negeri yang berkenaan. Umpamanya di negeri Melaka kita ada sebuah Lembaga Air Melaka untuk mentadbirkan sistem akaunnya dan urusan projek-projek bekalan air kerana dari segi pentadbiran, dari segi pungutan wang dari bekalan air itu, umpamanya Lembaga Air adalah menguasai Majlis Perbadanan Melaka Tengah untuk mengutip wang bagi pihak Lembaga Air dan juga Lembaga Air sendiri ada membuka cawangannya di lain-lain tempat untuk mengutip wang. Bila berlaku sesuatu perselisihan faham atas pentadbiran atau dari segi undang-undang yang ada terlibat Kerajaan Tempatan maka bil-bil, biasanya umpamanya bil sampah-sarap dan bil air adalah dicantumkan dalam satu bil sahaja. Bila timbulnya perselisihan faham atas pentadbiran Kerajaan Tempatan maka rakyat biasanya tidak dapat membayar bil-bil air berasingan kerana bil-bil berasingan biasanya tidak akan diterima oleh Kerajaan Tempatan. Di sini saya adalah mencadangkan supaya untuk memperkemas sistem akaun ini maka tiap-tiap negeri atau semua negeri yang ada di Malaysia ini yang khas berkenaan dengan Jabatan Air maka sistem akaunnya perlu ditakluki di bawah Jabatan Air atau

Lembaga Air yang berkenaan walaupun demi kemudahan atau kepentingan rakyat di luar bandar atau di bandar. Kadang-kadang Lembaga Air atau Jabatan Air perlu menguasai satu-satu Kerajaan Tempatan untuk mengutip wang mereka, untuk menjelaskan bil-bil air mereka tetapi kerana sistem akaun yang kalam-kabut ini kadang-kadang sudah membawa banyak masalah di antara rakyat dengan Lembaga Air atau di antara Majlis Perbadanan Melaka Tengah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh memberitahu kita apakah tindakan yang sewajarnya boleh diambil untuk membetulkan segala penyelewengan sistem akaun yang ada di negeri Melaka dan di lain-lain negeri juga.

Point yang terakhir sekali juga adalah berkaitan khasnya di negeri Melaka dan lain-lain negeri ialah mengenai pelaksanaan projek pembangunan bekalan air. Di banyak tempat khasnya di dalam kawasan-kawasan luar bandar, kampung-kampung pendalaman sangat susah bagi rakyat untuk memperolehi perkhidmatan bekalan air sebagai perkhidmatan sosial yang paling asas sekali bagi kehidupan mereka, umpamanya satu kes baru-baru ini yang saya bangkitkan di negeri Melaka. Sejak tahun 1974 saya ada mengemukakan satu permohonan projek bekalan air bagi satu kampung pertanian terdiri daripada 42 buah keluarga di kawasan Pokok Mangga Kecil, hingga hari ini projek ini masih belum dilaksanakan tetapi saya merasa terperanjat satu kawasan yang berhampiran dengan Pokok Mangga Kecil ini ada satu kampung Melayu, projek bekalan air ini juga dimasukkan untuk pertimbangan Pegawai Daerah dan Kerajaan Negeri, projek ini sudah dilaksanakan pada tahun 1976.

Saya hendak bertanya, apakah sebabnya berlaku satu diskriminasi atas pelaksanaan projek-projek bekalan air dalam satu kawasan luar bandar, satu kawasan pertanian yang sama, hanya satu kawasan terdiri daripada kaum Cina dan satu kawasan dari kaum Melayu maka priority diberikan. Di sini saya hendak tahu apakah tindakan boleh diambil oleh Kementerian Kewangan untuk memastikan bahawa Kumpulanwang ini yang disalurkan baik kepada negeri atau ke mana-mana pihak yang berkuasa, dasar diskriminasi atas pelaksanaan projek-projek bekalan air ini tidak seharusnya diamalkan kerana mereka semua adalah merupakan pembayar cukai Malaysia, mereka adalah rakyat Malaysia.

Bolehkah mereka dihukum kerana mereka undi parti Pembangkang, tidak mengundi wakil rakyat daripada Barisan Nasional maka projek-projek yang dikemukakan oleh parti Pembangkang semuanya ditolak tetapi di sebelah kawasan itu semuanya diluluskan. Apakah reaksi daripada rakyat terhadap dasar Kerajaan itu? Memang rakyat boleh sabar, tunggu tetapi adakah wajar atau bijaksana bagi Kerajaan melaksanakan dasar serupa yang saya timbulkan?

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menyiasat kes yang saya timbulkan ini, kalau perlu saya boleh memberikan bukti-buktinya, salinan-salinan dokumen yang ada berkaitan atas kes itu kerana ini adalah berkaitan dengan kumpulan wang, wang ini adalah daripada wang rakyat, bukan daripada wang Barisan Nasional.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

4.37 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan baru sebentar dan saya amat bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Timbalan Menteri berkenaan. Di dalam hujahnya tadi Yang Berhormat itu menyatakan air adalah satu asas yang penting untuk kepentingan manusia umumnya dan saya menambahkan di sini, di samping saya bersetuju sebagaimana kata Yang Berhormat tadi air adalah satu asas ataupun satu kejadian Tuhan yang memberi menafaat kepada manusia. Tanpa air biarlah saya menyatakan di sini, saya bersetuju dengan pendapatnya tadi, segala-galanya tidak akan berlaku dan lebih tepat saya berkata kalau tidak silap saya biasa dikata orang kalau kadang-kadang kita kurang makan boleh menahankan manusia daripada mati kalau tak makan sekian lama tetapi kalau manusia itu tak dapat meminum air ataupun dahaga air maka air saya fikir lebih penting daripada segala-galanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak buat contoh panjang sebab saya bersetuju dengan apa yang dikatakan tadi. Saya beri sebagai contoh dan selalu kita tengok apatah lagi kita sebagai seorang Islam, misalnya dalam bulan puasa. Kalau kita lapar saya agak tiap-tiap orang boleh tahan dengan

kelaparan tetapi bila dahaga terlampau dahsyat maka dahaga membawakan manusia tak boleh tahan, sebab itulah air ini terlampau penting bagi manusia dan saya percaya air ini penting bagi segala-galanya. Kalau tidak silap biasa saya dengar syarahan daripada doktor, dalam badan manusia ini juga mengandungi banyak air, jadi air adalah penting. Dengan sebab itu segala daya-usaha, segala Rang Undang-undang yang dicadangkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan untuk menolong rakyat khususnya negeri-negeri yang kurang maju, biarlah saya contohkan terutera seperti negeri Perlis, saya sangat-sangat mengalu-alukan dan saya berharap Rang Undang-undang ini dapat dilaksanakan dan dengan terlaksananya Rang Undang-undang ini kekurangan air yang selalu berlaku di mana-mana negeri termasuk Perlis itu akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sebagaimana kata Timbalan Menteri tadi, bukanlah beliau hendak hantar air ke Perlis kalau air kurang di Perlis kerana air ini di mana-mana pun ada bahkan kadang-kadang hingga tak mahukan air. Mengikut kelaziman kita di Malaysia ini ada dua musim; satu musim banjir. Hari ini masuk musim banjir, selain daripada dunia luar yang kita tengok macam India dan sebagainya cukup dahsyat dengan banjir, tetapi bagi negara Malaysia kita jarang berlaku, kalau berlaku pun tidak begitu teruk macam setengah-setengah negara India dan sebagainya. Walau macam manapun kita tidak nafikan Malaysia juga ada banjir, dalam bulan ini hendak masuk musim banjir, harus dalam bulan November-Disember ini akan berlaku macam kita dengar suasana sekarang ini pun suasana hendak hujan, bila hujan terlampau banyak banjir akan berlaku tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, selepas bulan Januari, Februari atau Mac akan berlaku pula musim kemarau, airnya tidak ada. Jadi bagi tiap-tiap negara akan berlaku dua musim, pertama musim banjir, airnya terlampau berlebih-lebih, yang satu ketika musim kemarau yang tidak ada air langsung untuk dipakai biarpun untuk mandi, membasuh dan kadang-kadang yang dahsyatnya untuk minum pun payah hendak dapat air bagi setengah tempat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan ini bukanlah bererti air tidak ada dalam negara Malaysia cuma untuk membekalkan air, untuk menyimpan air ini cara yang patut kita atasi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara yang kita sedang perbincangkan dalam Dewan yang mulia ini ialah Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966. Dalam pemindaan itu ada juga disebut iaitu Akta Air tadi boleh juga disebut tetapi bukanlah disebut tepat cuma sambilan sahaja. Tolong Yang Berhormat tumpukan kepada Kumpulanwang Pembangunan.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tetapi saya faham di sini Kumpulanwang Pembangunan berkenaan dengan air. Yang saya bercakap ini pembangunan berkenaan air untuk menjaga air mencukupi kepada manusia. Ini saya agak, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah lari daripada apa yang dihuraikan. Maksud Rang Undang-undang ini untuk mencukupi air, meminda supaya air tidak menjadi satu masalah kepada masyarakat khususnya kepada rakyat kita. Sebab itulah saya kata tadi air ini ada dan air tidak ada mengikut keadaan masa. Dengan sebab itu pada pendapat saya untuk mengatasi perkara ini Kerajaan Pusat patutlah memberi peruntukan yang cukup banyak dalam jangka panjang, jangan jangka pendek. Contohnya di tempat saya Perlis, tiap-tiap bulan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Negeri disalurkan kepada Jabatan Kerjaraya dan menghantarkan air ke kampung—boleh dikatakan segenap kampung dengan memakan perbelanjaan yang saya fikir begitu banyak. Perkara ini berlaku tiap-tiap tahun dan akan berlaku lagi pada pendapat saya. Maka untuk mengatasinya, saya berpendapat dengan cara jangka panjang yang saya fikir di musim airnya masih ada seperti sekarang air banyak, turun dari langit dan sebagainya, maka patutlah Kerajaan mengeluarkan perbelanjaan jangka panjang iaitu perbelanjaan yang banyak, mengadakan bekalan tangki-tangki yang besar. Saya fikir walaupun air ini dapat disusut masa yang lama, tetapi kalau kita tahan tidak betul peratusnya, saya yakin boleh tahan sampai empat lima bulan dan sebagainya kalau ditakung di tempat yang bersesuaian. Dengan cara ini dapatlah kita atasi, kita banyakkkan tangki-tangki supaya di musim kemarau ini kita dapat air-air berkenaan dengan mengadakan berbagai-bagai tangki ke kampung-kampung dan sebagainya. Ini salah satu perkara yang besar. Kalau tidak perkara ini tidak habis-habis dengan masalah yang dihadapi oleh negara kita.

Saya tidak kata ini berlaku di Perlis sahaja bahkan ini berlaku di seluruh negara kita, seluruh Malaysia. Dengan sebab itu saya berharap walaupun Kerajaan terpaksa sekali gus memberi kepada Kerajaan-kerajaan Negeri khususnya Negeri Perlis yang kekurangan wang, mengadakan tangki-tangki yang diminta oleh Kerajaan Perlis, misalnya untuk mengadakan tangki-tangki untuk jangka panjang khususnya di musim kemarau sebagaimana saya sebut tadi patutlah Kerajaan Pusat memberi bantuan sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, juga saya suka di sini mengesyorkan kerana air sebagaimana kata Timbalan Menteri tadi saya bersetuju sangat, air satu perkara yang mustahak. Ada setengah daripada rakyat kita kekurangan wang. Misalnya, hari ini Kerajaan membekalkan air ke kampung-kampung dengan memasukkan paip dan sebagainya. Yang mendukacitakan ialah jauh daripada jalanraya, kalau mereka berkehendakkan paip air mereka terpaksa masukkan dengan perbelanjaan sendiri. Jadi saya berpendapat patutlah dikecualikan walaupun jauh sedikit daripada jalanraya—agak saya kita kata banyak belanja, patutlah juga Kerajaan memberi percuma sebagaimana yang dekat dengan jalanraya kerana rakyat ini sudahlah mereka tidak bernasib baik tidak dapat duduk dekat dengan jalanraya air pula tidak ada.

Soal yang kedua, selain daripada mereka ini payah mendapat air yang dekat dengan jalanraya dan sebagainya mereka pula bila ada satu kemudahan yang lain juga terpaksa membayar lebih daripada orang yang dekat dengan jalanraya. Saya berharap sangat-sangat perkara ini patut dibuat pindaan. Saya percaya perkara ini bukanlah di bawah Kementerian Kewangan, tetapi walau bagaimanapun kalau Kementerian yang berkenaan yang mengutip wang kata kami terpaksa kutip kerana wangnya tidak ada, puncanya datang daripada Menteri Kewangan juga, kalau Menteri Kewangan beri segala-galanya lulus dan dapat dibuat. Ini saya berharap sangat-sangat supaya mengkajikan semula di atas perkara yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya berharap dengan mengadakan pindaan Rang Undang-undang ini masalah air yang menjadi satu masalah yang amat besar kepada makhluk Allah khususnya, manusia dapat diatasi sekadar yang terdapat dan sekali lagi saya

tegaskan air banyak tetapi untuk menyimpan air pada ketika air tidak ada, itu cara yang yang patut kita atasi dan salah satu cara yang macam mana saya katakan tadi jangka panjang patutlah dirangkakan oleh Kementerian dan diberi peruntukan kepada Menteri untuk menjalankan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.45 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Ahli Yang Berhormat dari Kangar yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ke atas pindaan kepada Akta Kumpulanwang Pembangunan, 1966.

Daripada nada dan isi kandungan ucapan kedua-dua Ahli Yang Berhormat itu jelaslah bahawa pindaan ini nampaknya menerima sokongan daripada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dalam perbincangan sebentar tadi.

Sukalah saya menyatakan bahawa merujuk kepada soal penyelarasan nama-nama Lembaga ataupun pihak berkuasa yang mengenai air di tiap-tiap negeri seperti mana yang diminta oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka untuk diselarasakan nama-nama Lembaga ataupun pihak berkuasa itu, saya fikir bukanlah satu perkara yang terlalu mustahak, oleh kerana soal nama ini jelas sekali menimbulkan masalah sekiranya kita tidak memahami dari segi bentuk ayat digunakan untuk menggambarkan tujuan dan tugas badan-badan berkenaan. Saya percaya walaupun ada sebuah Lembaga yang ditubuhkan di mana-mana tempat, di mana-mana negeri pun tentu sekali mereka tidak boleh lari daripada menggunakan perkataan air. Jadi saya fikir kalaulah kita ingin memandu kepada nama sebuah Lembaga atau pihak berkuasa itu, kita bolehlah menasihatkan pengundi-pengundi kita untuk mencari di mana ada Lembaga yang bernama air itulah Lembaga yang bertanggungjawab tentang air. Jadi soal penyelarasan nama-nama Lembaga ini saya ingat tidaklah menjadi satu masalah yang besar dan boleh diatasi dengan sokongan dan bantuan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat kepada pengundi-pengundi masing-masing.

Soal projek perkhidmatan air yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka iaitu mengikut dakwaannya telah timbul diskriminasi daripada tempat ke tempat sedangkan kampung yang berjiran mendapat bekalan air, kampung yang sebelah tidak mendapat air. Saya percaya perkara ini boleh diatasi dengan pihak Ahli Yang Berhormat berkenaan yang menghadapi masalah seperti itu memikir kembali tentang cara beliau meminta bantuan projek ataupun peruntukan projek bagi kawasan-kawasan yang tertentu.

Bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang daripada parti Barisan Nasional sendiri pun kalaulah cara dengan watak meminta dan memohon itu tidak disesuaikan dengan keadaan dan selera pihak yang boleh melulus, saya fikir walaupun dia datang daripada Barisan Nasional pun susah juga hendak dapat. Inilah satu soal hidup yang mana kita semua sebagai manusia biasa terpaksa mempelajari bagaimana kita boleh menguruskan soal-soal bagi kepentingan rakyat kita supaya segala permintaan rakyat kita akan dapat dipenuhi. Ini semua bergantung kepada cara dan watak kita di dalam memajukan.

Tuan Chan Teck Chan: (Bangun).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Belum habis lagi ayat saya pun.

Tuan Chan Teck Chan: Saya hendak bertanya atas cara dan watak untuk memohon, bolehkah Yang Berhormat itu beritahu Dewan ini bagaimana cara dan watak yang lebih sesuai dan boleh diluluskan, kerana projek air di Melaka ini sudah diluluskan oleh bekas Ketua Menteri Melaka sendiri tetapi saya tidak tahu apakah sebabnya tidak boleh diluluskan.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah perkara atau projek itu sudah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Melaka, saya ingat lagi tidak ada masalah, hanya soal follow-up, selalu pergi ke pejabat, ketuk pintu tiap-tiap pagi, kalau boleh. Perkara ini bukan sahaja berlaku di kawasan Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tetapi berlaku di merata-rata bahagian kawasan Parlimen yang diwakili sama ada

oleh parti Pembangkang ataupun daripada ahli parti Kerajaan. Soal cara dan watak itu bolehlah Ahli Yang Berhormat itu berkursus dengan saya. Saya tidak ada menjadi masalah untuk memberikan nasihat dari semasa ke semasa dan saya tidak pula bertujuan untuk mengambil masa Dewan ini untuk menceritakan dengan lebih panjang lagi macam mana hendak buat, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat

Tuan Chan Teck Chan: Untuk penjelasan. Dewan ini adalah berhak untuk mengetahui apakah kriteria yang telah ditetapkan untuk membolehkan seseorang atau kampung-kampung itu menurut cara-cara atau perwatakan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya projek-projek itu boleh diluluskan. Kalau beliau enggan memberitahu cara dan watak yang disebutkan itu, tentulah selama 20 tahun lagi walaupun sehingga habis Dasar Ekonomi Baru, kita pun tak dapat air. Mungkin cara dan watak seperti yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Kewangan itu boleh menolong kita apakah cara-cara yang sesuai supaya kita boleh menjayakan projek-projek di seluruh Malaysia ini.

Tuan Shahrir bin Abdul Samad: Saya memberi jalan kepada Ahli Yang Berhormat itu tetapi kalau saya habiskan ayat saya, kalau Ahli Yang Berhormat itu ingin membelanja saya secawan kopi "O", saya boleh duduk dengan dia memberitahu macam mana kita hendak selalu bersikap wajar. Walau bagaimanapun, ini satu perkara yang bergantung kepada sifat keperibadian kita sendiri sebagai seorang Wakil Rakyat, walaupun banyak perkara yang ingin kita bawa untuk pengundi-pengundi kita tetapi kadangkala ia mengambil masa dan sebab-sebab kelewatan pelaksanaan projek itu tentulah bergantung kepada kemampuan badan-badan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ialah sistem akaun dan pentadbiran yang dipraktikkan oleh badan-badan yang berkenaan dan soal-soal perbekalan air dan saya mengucapkan terima kasih di atas pandangan beliau dan saya percaya apabila panduan dan aturcara yang telah ditetapkan dalam Akta yang telah diluluskan oleh Dewan ini juga dapat

dilaksanakan di peringkat negeri, saya percaya bahawa sebanyak sedikit masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat diatasi.

Berkenaan dengan soal-soal yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pandangan-pandangan beliau dan saya akan memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pandangan-pandangan dan syorsyor beliau itu akan ditimbang dari semasa ke semasa untuk pelaksanaan projek-projek perbekalan air supaya apa yang di-suarakan, apa yang dihasratkan dengan pindaan yang dilakukan dalam Dewan ini dapat menghasilkan kejayaan di dalam perbekalan air demi kepentingan rakyat di dalam negeri. Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan soal kepada Majlis bagi diputuskan, soalnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PELANCUNGAN MALAYSIA (PINDAAN) 1980

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.56 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi

meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972" dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam usaha untuk mempesatkan lagi kemajuan perusahaan di negara ini Kerajaan telahpun menubuhkan Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (TDC) sejak bulan Ogos 1972. Penubuhan Perbadanan itu adalah berupa suatu langkah positif yang diambil oleh Kerajaan untuk memajukan lagi perusahaan tersebut dan dengan harapan supaya segala usaha yang dijalankan oleh sektor awam dan swasta dapat diselaras dan diaturkan bagi mencapai matlamat yang diharapkan.

Perusahaan pelancungan, sebagaimana yang diketahui, adalah berupa satu kegiatan perdagangan antarabangsa yang berkembang paling pesat dan satu punca besar pertukaran matawang asing bagi beberapa negara di dunia ini. Kemajuan pelancungan antarabangsa pada keseluruhannya telahpun mencapai kejayaan yang lumayan bukan sahaja dari segi bilangan kedatangan para-para pelancung bahkan juga dari jumlah pertukaran matawang asing yang diperolehi. Walaupun telah timbul pada waktu-waktu kebelakangan ini krisis tenaga, kedudukan kewangan dunia yang kurang stabil dan keadaan inflasi yang meningkat, keadaan perusahaan ini pada keseluruhannya masih boleh menunjukkan perkembangan yang sihat. Negara kita juga turut mendapat faedah dari perusahaan ini.

Perkembangan perusahaan pelancungan di Malaysia sejak beberapa tahun yang lalu memanglah tidak dapat dinafikan. Ini jelas kelihatan bukan sahaja dari segi keramaian kedatangan pelawat-pelawat bahkan lebih-lebih lagi dari pendapatan matawang asing, penanaman modal serta peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan di dalam perusahaan itu. Sebagai misalan, di dalam tahun 1972, Semenanjung Malaysia hanya dilawati oleh 726,000 pelawat-pelawat dan angka ini telah meningkat kepada 1,416,378 di akhir tahun 1979 iaitu satu kali ganda. Perkembangan ini adalah amat menggalakkan dan adalah dijangka, iaitu negara kita akan dapat menunjukkan pertambahan pelawat antara 5-6 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Pertambahan pelawat yang datang ke Sabah dan Sarawak juga memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pendapatan dari pelancungan adalah juga menunjukkan suatu perubahan yang sangat pesat. Dalam tahun 1972 mengikut anggaran kami, Malaysia telah memperolehi \$265 juta hasil pendapatan pelancungan dan dalam tahun 1979, angka ini telah meningkat kepada \$495 juta. Jumlah akan bertambah secara lebih pesat dengan bertambahnya kedatangan pelawat pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang dijelaskan maka adalah nyata perusahaan pelancungan Malaysia sekarang telahpun mencapai suatu peringkat kemajuan yang sungguh menggalakkan. Kejayaan perusahaan tersebut, adalah hasil usaha pihak swasta yang bekerjasama dengan pihak Kerajaan. Tetapi yang paling penting pencapaian kejayaan ini adalah kerana adanya kestabilan politik dan ekonomi dalam negara kita.

Demi menjaga supaya kemajuan perusahaan ini berkembang dengan sihat dan bernilai bagi masa-masa hadapan, maka adalah perlu supaya Perbadanan diberi kuasa yang mencukupi untuk memimpin, mengawal serta mengatur berbagai-bagai perkhidmatan di bidang pelancungan. Ini adalah untuk menjamin agar terdapatnya perkhidmatan yang benar-benar cekap dan bermutu tinggi di dalam perusahaan tersebut. Adalah juga didapati perlu yang perusahaan ini diperkembangkan supaya ianya benar-benar dapat memberikan sumbangan bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi negara bahkan jua kepada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972, yang berupa undang-undang yang sedia ada sekarang bagi mengawal dan menyelaraskan kesemua aktiviti di dalam perusahaan pelancungan telah didapati tidak mencukupi untuk membolehkan Perbadanan itu melaksanakan dengan secara yang lebih berkesan tanggungjawabnya dan objektif Kerajaan. Pindaan-pindaan kepada Akta tersebut sebagaimana yang disyorkan adalah bertujuan bagi mengatasi masalah ini dengan cara menyediakan kuasa-kuasa tambahan kepada Perbadanan bagi menyediakan perusahaan tersebut di samping memperkuatkan jentera pentadbirannya.

Di bawah Fasal 3 untuk memperkukuhkan pentadbirannya, Perbadanan telahpun diberi kelulusan bagi melantik dengan persetujuan

Menteri, dua orang Timbalan Ketua Pengarah yang bertanggungjawab sepenuhnya kepada Ketua Eksekutif Perbadanan di dalam semua hal berkaitan dengan polisi, perancangan serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan pelancungan. Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia yang ada sekarang tidak mempunyai perbekalan mengenai perlantikan tersebut dan pindaan yang disyorkan ini adalah bagi mengemaskinikan Akta yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 4 peruntukan-peruntukan adalah bertujuan mengadakan cara bagi menjalankan pemeriksaan untuk mendapatkan kenyataan daripada orang-orang yang tertentu dan membolehkan kenyataan itu diterima oleh mahkamah. Akta Perbadanan yang ada sekarang tidak mengandungi cara seperti ini serta kesalahan dan hukuman yang patut dikenakan ke atas sesiapa yang enggan memberi maklumat sungguhpun permintaan itu menasabah dan tidak membenarkan pegawai-pegawai yang bertauliah masuk kesuatu tempat atau melakukan sesuatu ke atas diri pegawai-pegawai tersebut. Ketiadaan ini menyulitkan pegawai-pegawai berkenaan menjalankan tugas mereka pada masa-masa dan tempat-tempat yang diperlukan dan tujuan pindaan-pindaan di Fasal 4 ialah untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 5 iaitu berkenaan dengan peruntukan bagi penubuhan Kumpulanwang Am, tujuan diadakan Kumpulanwang Am ini ialah seperti berikut:

- (a) Untuk membolehkan Lembaga menghendaki orang-orang yang menjalankan sesuatu enterprais pelancungan berdaftar membayar carum-carum kepada Kumpulanwang Am itu dan memberi wang cagaran selanjutnya yang dikehendaki oleh Lembaga; dan
- (b) Untuk membolehkan Lembaga membayar pampasan daripada Kumpulanwang Am itu kepada orang-orang yang mengalami kerugian akibat daripada perbuatan curang oleh enterprais pelancungan berdaftar.

Sukacita saya menyatakan bahawa peruntukan yang sedemikian adalah diperlukan kerana Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan yang sedia ada tidak memberi kuasa

kepada Perbadanan untuk menerima sumbangan atau mengenakan cagaran keselamatan dari mana-mana pihak tertentu. Ketiadaan ini akan menyebabkan Peraturan Pendaftaran dan Pengawasan Agensi-agensi Pelancungan yang hendak diadakan itu sepertimana yang dibenarkan di bawah Akta Perbadanan ini, tidak berkesan untuk membantu pelancung-pelancung yang mendapat kesusahan kerana keadaan-keadaan di luar dugaan agensi-agensi pelancungan. Selain daripada itu peraturan-peraturan yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan ini jika tiada mempunyai syarat mengenai sumbangan dan kenaan cagaran keselamatan sudah tentu tidak akan dapat mematahkan percubaan oleh setengah-setengah agensi-agensi pelancungan yang sengaja memberi maklumat yang salah atau tidak memenuhi janji malah ada yang terang-terang menipu orang ramai dan lain-lain perbuatan curang. Kesemua kegiatan sedemikian secara langsung atau tidak langsung telah menjejaskan imej baik industri pelancungan negara kita. Oleh sebab itu, peruntukan-peruntukan mengenai penubuhan Kumpulanwang Am serta pembayarannya adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 6 bertujuan mengeluarkan perkara-perkara mengenai "cagaran" (deposit) dan "rampasan" (forfeiture) kerana ini telah dimasukkan di bawah Fasal 5. Walau bagaimanapun, kuasa Menteri membuat Peraturan-peraturan di bawah seksyen kecil ini masih dikekalkan. Dengan dikeluarkan perkara-perkara tersebut pindaan-pindaan lain yang dibuat ke atas Akta ini adalah lebih kemas.

Fasal 7 adalah bertujuan membolehkan Lembaga bertindak terhadap mana-mana enterprais pelancungan berdaftar yang tidak mematuhi apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan semasa pendaftaran dan untuk mengadakan peruntukan mengenai rayuan-rayuan dibuat sekiranya berlaku sesuatu pembatalan pendaftaran. Fasal ini juga menggariskan cara-cara yang perlu dipatuhi oleh Lembaga Perbadanan itu untuk membatalkan sesuatu pendaftaran dan memberi kesempatan kepada pihak yang terlibat untuk merayu kepada Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 8 adalah perlu untuk menentukan seseorang yang memegang jawatan penting dan/atau kanan dalam syarikat-syarikat pelancungan benar-benar bertanggungjawab terhadap perniagaannya. Memandangkan perbuatan curang seperti "fly-by-night operators" yang sering berlaku

dalam industri pelancung terutamanya dalam agensi-agensi pelancung, di mana sesuatu syarikat dengan cepat dibubar dan orang-orang yang sama dengan cepatnya menubuhkan satu lagi syarikat yang baru, peruntukan ini perlu untuk mencegah kegiatan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan langkah untuk memimpin, mengawal serta mengatur berbagai-bagai perkhidmatan pelancungan, maka adalah didapati perlu bagi peruntukan-peruntukan baru disediakan di dalam Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972. Dengan kelulusan pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah diharapkan industri pelancungan di negara ini akan berkembang dengan lebih licin dan teratur lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

5.10 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia (Pindaan) 1980 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan saya suka mengambil peluang ini untuk memberi sedikit pandangan terhadap Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, selama dan selagi Rang Undang-undang ini diperlukan untuk memastikan perkembangan dan pertumbuhan yang sihat dalam industri pelancungan dan juga bagi mencegah salah amalan dalam industri yang berkenaan selama itulah saya menyokong Rang Undang-undang ini pada prinsipnya. Walau bagaimanapun, saya suka menyatakan bahawa dalam mengenakan peraturan-peraturan baru ke atas aktiviti setiap enterprais pelancungan, langkah-langkah tertentu mestilah diambil bagi memastikan

bahawa tidak adanya peraturan-peraturan atau kawalan yang melampau yang akan mengakibatkan kesusahan kepada para pengusaha pelancungan yang benar (*Bona fide* tourist operators).

Saya lihat di dalam Fasal 4 Rang Undang-undang ini nampaknya telah memberi kuasa-kuasa yang lebih kepada pegawai-pegawai. Saya suka melafazkan harapan saya bahawa kuasa ini tidak akan disalahgunakan tetapi hendaklah dijalankan dengan secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memastikan bahawa industri pelancungan akan berkembang dalam satu suasana yang lebih sihat tanpa diragukan bahawa perlunya ada kawalan atau pengawalan ke atas semua enterprais pelancungan bagi mengelakkan dan memastikan tidak akan tumbuh atau muncul nanti pengusaha-pengusaha pelancungan yang palsu. Pada masa yang lepas kita telahpun melihat beberapa contoh pengusaha-pengusaha pelancungan palsu yang bergerak yang telah merugikan para pengguna.

Saya ingat pada kira-kira 2 tahun yang lalu di Tahun Baru Cina lebih kurang 350 orang yang tersadai di Pudu, di satu tempat di Kuala Lumpur selepas mereka ditipu oleh ejen pelancungan palsu yang dikatakan telah mengelolakan perjalanan atau pelancungan keluar negeri mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itu ialah satu incident yang sangat dikesalkan dan juga inilah incident yang telah merosakkan imej industri pelancungan di negara kita. Tetapi apa yang lebih serius lagi ialah kenyataan bahawa para pengguna yang telah menjadi mangsa dan inilah suatu yang sangat dikesalkan. Adalah diharapkan bahawa dengan pengemukaan dan kelulusan Rang Undang-undang ini apa juga bentuk salah amalan tidak akan dilakukan dan dengan ini saya harap bahawa kepentingan pengguna-pengguna akan dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Fasal 5 tentang penubuhan satu Kumpulanwang Am yang menghendaki mana-mana orang yang menjalankan suatu enterprais pelancungan berdaftar membayar bond atau mencarum kepada Lembaga supaya membolehkan Lembaga membayar pemberian daripada Kumpulanwang Am itu kepada orang-orang yang mengalami kerugian akibat dari perbuatan curang atau perbuatan ingkar oleh suatu enterprais pelancungan, saya juga berpendapat

bahawa Kumpulanwang Am seumpama itu hendaklah ditubuhkan bagi menggantirugi mangsa-mangsa agensi pelancungan. Saya harap bahawa nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu Dewan ini tentang kadar atau macam mana pembayaran gantirugi ini diuruskan oleh kerana saya rasa bahawa sekiranya berlaku kes di mana orang ramai telah ditipu oleh agensi pelancungan, apa yang mesti dibuat ialah bahawa mangsa-mangsa tersebut akan diberi wang pampasan atau wang gantirugi yang cukup adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung enterpris pelancungan berdaftar, saya suka menggunakan kesempatan ini untuk berucap betapa perlunya Kerajaan meneliti pendaftaran enterpris-enterpris pelancungan yang diperolehi oleh rakyat Malaysia baik dalam komposisi dan juga keperibadian. Dalam hubungan ini saya rasa bahawa Kerajaan hendaklah memberi galakan yang perlu kepada pendaftaran agensi-agensi pelancungan yang sebahagian besarnya dimiliki oleh rakyat Malaysia oleh kerana ini saya rasa akan sejajar dengan aspirasi nasional Malaysia.

Itulah pandangan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.19 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972.

Tuan Yang di-Pertua, betapa pentingnya industri Pelancungan pada hari ini dapat dilihat dengan adanya pindaan, kepada Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan yang ada di hadapan kita pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab dunia pada hari ini, lantaran kemajuan komunikasi dan berbagai-bagai kemajuan lagi, dunia telah bertambah sempit kerana perhubungan dari setempat ke setempat telah dapat dicepatkan dengan melalui berbagai-bagai cara. Dengan hal yang demikian, maka ini telah menambahkan lagi mobilisasi ataupun pergerakan manusia daripada satu tempat ke satu tempat sama ada dalam bentuk pelancungan ataupun dalam bentuk-bentuk yang lain dan kita

pada petang ini adalah membincangkan pergerakan manusia daripada satu tempat ke satu tempat di bawah tajuk pelancungan. Tiap-tiap seorang itu sebelum hendak melangkah ke sesuatu negara yang baru maka beberapa faktor akan dipertimbangkan, sekurang-kurangnya akan dipertimbangkan sama ada dengan melawat ke negara itu akan bertambah pengalaman dan pengetahuan dan seterusnya dengan lawatannya ke negara yang baru itu apakah kita terjamin akan kembali selamat ke tanahair kita sendiri dan dengan lawatannya ke negara ketiga itu adakah kita tidak akan mengalami sebarang kesusahan sewaktu kita berada di negara asing itu. Oleh yang demikian, di dalam kita membincang soal pelancungan maka beberapa perkara patut diperhatikan sama ada oleh pihak Kementerian yang berkenaan atau pihak Lembaga Kemajuan Pelancungan sendiri.

Alhamdulillah pada hari ini kita mempunyai satu keadaan atau suasana kestabilan politik kerana kestabilan politik ini bolehlah dianggapkan sebagai hasil pentadbiran Kerajaan pada hari ini. Ini adalah salah satu tiket yang besar bagi mendorong pelancung-pelancung daripada luar negeri untuk berkunjung ke negeri ini dari masa ke semasa dan rekod-rekod pada akhir-akhir ini telah membuktikan jumlah pelancung-pelancung daripada negara asing ke negara ini bertambah dari setahun ke setahun.

Sejauh manakah kestabilan politik ini dapat diteruskan. Ini sama-samalah kita jawab dan sama-samalah rakyat Malaysia menentukan sama ada kita sukakan kestabilan politik sepertimana telah wujud sejak merdeka sehingga hari ini atau kestabilan politik ini akan diporak-perandakan pada satu masa nanti. Gejala-gejala untuk mencapai ke tahap porak-peranda kestabilan politik ini tidak kurangnya terdapat di negara kita ini. Saya menyeru kepada pihak yang bertanggungjawab bukan sahaja pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia tetapi pihak-pihak yang berwajib mengenai keselamatan dan keamanan negara supaya menentukan bahawa udara yang sihat, suasana yang aman yang kita sedut hari ini hendaklah diteruskan dengan apa cara sekali pun kiranya kita mahukan industri pelancungan negara ini berkembang dengan lebih pesat lagi dari masa ke semasa. Khususnya kita perlu menjamin bahawa keamanan negara-negara ini akan diteruskan. Misalnya

pada hari ini seorang pelancung kalau menginap di salah sebuah hotel di Kuala Lumpur tidak perlu takut, tidak perlu risau sekiranya ia keseorangan mahu berjalan-jalan bersiar-siar di sekitar hotel berkenaan, dan sejauh manakah suasana ini dapat diteruskan, ini terpulanglah kepada jentera-jentera keselamatan dan keamanan yang wujud di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas saya telah mendapat satu pujian daripada salah seorang pelancung atau seorang yang datang ke negara ini bahawa sepanjang yang beliau berada di sebuah hotel di Kuala Lumpur apabila ditinjau ke bawah hotel itu tidak ternampak walaupun seorang polis, tidak nampak walaupun seorang penjaga keamanan yang beruniform, mungkin ada yang tidak beruniform. Ini menunjukkan kepada pelancung yang tersebut bahawa negara ini adalah aman. Kita boleh bergerak dan berjalan ke mana-mana yang kita suka, bila-bila masa kita suka tanpa diganggu gugat oleh sesiapa pun. Ini adalah satu faktor yang penting.

Seterusnya apabila kita hendak melancung ke sesebuah negara itu kita tentukan sama ada akan kita dapat menikmati sebahagian daripada perkara-perkara yang kita nikmati di negara kita sendiri, umpamanya dari segi makanan. Kalau kita dari Malaysia hendak melawat ke London umpamanya; walaupun kita biasa dengan perkara-perkara ataupun kita mengharapakan makanan dari orang-orang England yang orang-orang Inggeris makan tetapi ada baiknya sekali sekala, seminggu sekali atau dua minggu sekali kita dapat dihidangkan dengan makanan yang terdapat di negara kita sendiri. Dengan hal yang demikian kesimpulannya, soal makanan, kita hendaklah menentukan bahawa negara kita ini terutama sekali di Ibu Kota Kuala Lumpur, mempunyai beranika jenis makanan sepertimana yang kita harapkan asal negeri mana, negara mana pelancung-pelancung itu akan datang nanti. Apalah salahnya kita menyediakan di satu sudut (corner) makanan bagi orang Korea kalau sekiranya mereka mahu makanan negeri asal mereka sekiranya yang menjadi pelancung itu orang dari Korea.

Perkara yang seterusnya yang patut diperhatikan oleh Kementerian ini ialah sama ada suasana selain daripada suasana keamanan dan kestabilan politik, suasana kemesraan

yang akan dapat dirasakan oleh pelancung-pelancung apabila berada di negara kita ini; sejauh manakah suasana ini dapat kita pertahankan, sejauh manakah suasana ini dapat kita wujudkan. Misalnya dari segi hospitaliti, sejauh manakah hospitaliti yang didapati melalui hotel-hotel, yang didapati melalui jalan-jalan, yang didapati melalui kenderaan kapalterbang, bas atau sebagainya itu dapat dijamin atau kemesraan daripada agensi-agensi yang akan bertanggungjawab mengendalikan pelancungan ini hendaklah dijamin. Selain daripada itu sejauh manakah perhubungan dari segi telefon, perhubungan dari segi telex, perhubungan-perhubungan dalam bentuk yang lain yang seumpamanya itu dapat kita jamin supaya keselesaan yang maksima akan dapat dirasakan oleh pelancung-pelancung yang akan datang melawat ke negara kita ini.

Selain daripada itu apabila kita sampai ke pintu sesebuah negara itu maka kita akan dijumpai oleh pegawai-pegawai kastam, pegawai-pegawai Imigeresen dan pegawai-pegawai kastam atau pegawai-pegawai imigeresen ini akan menjadi satu agen kepada Malaysia. Ertinya mereka ini menjadi tuan rumah ataupun orang yang mula-mula mengalu-alukan pelancung-pelancung ini ke negara ini dan dalam suasana yang demikian perlu diperhatikan bahawa orang yang mula-mula mengalu-alukan kedatangan pelancung-pelancung ini hendaklah benar-benar mewakili hospitaliti atau kemesraan yang dapat kita sajikan kepada pelancung-pelancung yang datang ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya banyak perkara yang patut diperhatikan terutama sekali kalau dapat saya mengambil satu contoh lagi mengenai pengangkutan, kita tidak mahu mendengar MAS kita selalu lewat, kita tidak mahu mendengar bas-bas pelancung kita mengalami sesuatu perkara yang tidak diingini di perjalanan misalnya. Dengan hal yang demikian, tempat atau sudut-sudut ini patut diperhatikan atau diperbaiki demi untuk perindustrian pelancungan di negara ini dan yang demikian hendaklah diadakan satu usaha bersatu padu dari semua pihak yang bertanggungjawab daripada pihak Kementerian, daripada pihak Perbadanan, daripada pihak polis, hotel, pengangkutan termasuk bas, keretapi dan sebagainya hendaklah disatukan pendapat-pendapat mereka ini dan hendaklah disatukan usaha-usaha

yang patut dijalankan supaya segala kemudahan dan keselesaan hendaklah diwujudkan ataupun kemudahan dan keselesaan yang maksima hendaklah disediakan atau disajikan kepada pelancung-pelancung tersebut. Dengan cara yang demikian saya mencadangkan supaya semua badan-badan atau agensi-agensinya yang tersebut itu hendaklah diadakan kursus dari masa ke semasa, sama ada berbentuk kursus ataupun seminar itu tidak menjadi masalah asalkan mereka ini dapat berhimpun dan memecahkan masalah-masalah yang mungkin dihadapi bersama dan dengan cara yang demikian mereka akan dapat menghadapi satu matlamat dan tujuan yang sama iaitu untuk memajukan lagi industri pelancungan di negara ini.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita hendak menyediakan segala kemudahan dan keselesaan kepada pelancung-pelancung yang datang ke negara ini, kita tidak sampai kepada tahap untuk mengorbankan soal keselamatan dan keutuhan negara ini walaupun kemudahan-kemudahan kita hendak berikan kepada pelancung-pelancung umpamanya, tetapi kita tidak mampu, untuk melepaskan mereka masuk ke pintu Imigeresen kita tanpa diperiksa. Kita tidak mampu untuk mereka itu masuk ke pintu Kastam kita tanpa diperiksa. Yang saya pentingkan di sini ialah cara (approach) pemeriksaan oleh pegawai-pegawai tersebut hendaklah disesuaikan, sesuai dengan mereka itu adalah tetamu-tetamu kita di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga pada awal tadi telah menyebutkan bahawa kalau kita hendak melancung atau melawat ke sesebuah negara itu kita berharap akan dapat melihat sesuatu perkara yang baharu. Misalnya seseorang daripada Indonesia tidak mengharapkan dibawa melawat Batik Malaysia Berhad (BMB) ataupun orang-orang daripada India mungkin tidak mengharapkan di bawa ke Selangor Pewter. Begitulah juga orang-orang daripada Thailand umpamanya tidak mengharapkan mereka ditunjukkan dengan tarian-tarian makyong dari segi kebudayaan. Mereka mahu atau menganggap kedatangan mereka ini sekurang-kurangnya akan membawa satu kesan yang baru, membawa satu faedah yang baru setelah kembali ke negara masing-masing. Dengan hal yang demikian, selain daripada tempat-tempat yang perlu dikunjungi oleh pelancung-pelancung ini, hendaklah berbeza daripada

apa yang mereka sendiri dapati di negara masing-masing, maka hendaklah juga Lembaga atau Perbadanan Kemajuan Pelancung Malaysia ini memikirkan untuk mewujudkan lagi tempat-tempat yang boleh menarik pelancung, tempat-tempat yang luar biasa, tempat-tempat yang unik, yang berbeza daripada negara-negara asal pelancung-pelancung yang datang ke negara kita itu.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita dapat mencungkil kembali bahan-bahan sejarah negara ini. Kita dapat membina tempat-tempat sejarah yang mungkin akan menjadi daya menarik kepada pelancung-pelancung. Satu perkara yang anih, soal sejarah, Tuan Yang di-Pertua. Sejarah sesebuah negara itu adalah unik, berbeza daripada sejarah negara-negara yang lain. Kalau sesuatu usaha yang kita adakan dari segi sejarah maka sudah tentu oleh sebab keunikan ataupun perbezaan sifat ataupun suasana projek sejarah itu ianya akan menarik pelancung-pelancung untuk berkunjung ke tempat itu

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kalau pelancung-pelancung yang datang ke negara ini setelah beberapa hari atau dua tiga hari melawat beberapa tempat yang tidak terdapat di negara mereka mungkin mereka kehabisan dengan tempat-tempat yang hendak dilawati. Dalam konteks inilah saya tekankan supaya pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia hendaklah memikirkan untuk mengadakan lagi tempat-tempat yang menjadi tarikan kepada pelancung-pelancung. Misalnya, kalau kita gali atau semak kembali bahan-bahan sejarah di negara ini, mungkin kita perlu mengadakan satu lagi muzium; muzium untuk angkatan tentera, misalnya. Selain daripada itu mungkin kita mengadakan muzium-muzium yang lain sama ada muzium khas untuk kesusasteraan, muzium khas untuk kebudayaan dan sebagainya. Dan ini akan merupakan satu daya tarikan.

Saya ingin mencadangkan bagi pihak yang berwajib sama ada Kementerian ini ataupun pihak-pihak Kementerian ataupun Perbadanan-perbadanan Kerajaan lain supaya memikirkan satu perkampungan di mana diwujudkan semua unsur-unsur yang terdapat di negara ini. Misalnya kita wujudkan satu kawasan, kita adakan satu tempat di mana setelah kita melawat tempat itu maka kita

dapat melihat inilah dia Malaysia, daripada Perlis sampai ke Sabah. Ini kita boleh buat. Bukannya setakat Muzium Negara. Muzium Negara, Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya katakan di sini bahawa kita masih jauh daripada dapat menggambarkan inilah Malaysia melalui Muzium Negara tersebut. Apalah salahnya kita wujudkan perkara ini. Di dalam ini misalnya kita masukkan rumah-rumah. Satu compartment rumah-rumah daripada Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan seterusnya negeri-negeri lain sampailah ke Sabah dan Sarawak dan setelah melawat rumah-rumah ini maka tergambarlah kepada pelancung-pelancung yang berkenaan beginilah bentuk rumah-rumah yang didapati di Malaysia.

Selain daripada itu, kita juga dapat memasukkan jenis binatang-binatang yang terdapat di Malaysia. Mungkin akan timbul persoalan ini akan menjadi redundant atau duplikasi kepada apa yang kita dapati di zoo yang telahpun kita ada setakat hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah zoo kita ketepikan di sini. Pokok yang hendak saya tujui ialah apabila kita memasuki kawasan ini biarlah kita dapat gambaran inilah Malaysia. Selain daripada itu juga mungkin kita dapat meletakkan segala bahan-bahan kebudayaan yang lain. Tetapi, kalau hendak dikumpulkan bahan-bahan kebudayaan negara ini asal ada kemahuan atau, dengan izin, "the political will" hendak mengadakan perkara ini dan boleh diadakan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh mengenai agensi-agensinya pelancungan. Saya percaya, dengan adanya pindaan di sini, dengan memasukkan enterprais pelancungan dengan takrif baru "enterprais pelancungan berdaftar", ini adalah bertujuan untuk memberi keselesaan yang lebih kepada pelancung-pelancung.

Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi rakan kita dari Kuala Lumpur Bandar telah menyebutkan adanya agensi-agensinya palsu. Perkara ini bukan sekali kita dengar bahkan tahun ini tidak kurang daripada 30 orang daripada Kelantan telah ditipu kerana hendak naik haji. Walaupun ini adalah satu urusan hendak ke Mekah tetapi ini saya sifatkan sebagai di bawah portfolio pelancungan. Jadi dengan cara demikian, dengan cara pengawasan yang lebih rapi, Insya Allah, perkara-perkara seperti ini boleh kita elak.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menyebut perkara-perkara detail ini kerana saya takut mungkin pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan hanya memikirkan soal pelancungan yang besar, akan memikirkan soal stage coach, akan memikirkan soal kapalterbang MAS, akan memikirkan keselamatan di jalanraya ataupun di atas rel semasa menaiki keretapi dan sebagainya. Tetapi ini adalah unsur-unsur yang tidak sihat yang wujud di kalangan masyarakat kita kerana ini adalah merupakan bibit-bibit yang menjadi berita-berita yang tidak sihat kalau sekiranya berita ini sampai kepada bakal-bakal pelancung yang akan datang ke negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di samping mengawalulakan pengawasan yang lebih ketat kepada enterprais-enterprais pelancungan ini maka saya mencadangkan supaya dari masa ke semasa mereka ini hendaklah diberi kursus. Saya terpaksa menyebut kursus sekali lagi, walaupun saya telah menyebut kursus di bahagian yang pertama sekejap tadi. Hanya melalui kursus-kursus yang boleh mengambil bentuk amaran secara tidak langsung dari semasa ke semasa kepada mereka yang menjadi ejen-ejen pelancungan ini. Kerana inilah orang-orang yang akan menjadi gambaran Malaysia kepada pelancung-pelancung tersebut. Kerana inilah orangnya kalau silap diberi makluman mengenai Malaysia maka silaplah maklumat yang diterima mengenai Malaysia oleh pelancung-pelancung tersebut dan kalau silaplah layanan yang diberi oleh mereka itu maka silaplah anggapan-anggapan pelancung-pelancung terhadap budibicara atau tatasusila rakyat negara ini.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, elok juga kita menentukan atau kita meletakkan sesuatu piawaiannya (standard) kepada alat-alat yang hendak digunakan oleh ejensi-ejensi pelancungan ini. Misalnya bagi ejensi-ejensi pelancungan yang menggunakan bas, adakah kita masih lagi mampu pada hari ini membenarkan bas-bas yang tidak menggunakan air-condition untuk menjadi alat pengangkutan bagi sebarang pelancung yang datang ke negara ini?

Saya mencadangkan supaya bas-bas yang tidak memakai air-condition ini jangan dibenarkan dipakai bagi pelancung-pelancung yang datang daripada luar negeri. Kerana, selain daripada bas-bas yang tidak menggunakan air-condition ini tidak dapat memberi keselesaan seperti mana semua kita

maklum, ianya kadang-kadang dapat menerima gangguan semasa dalam perjalanan, misalnya debu, habuk atau sebagainya. Ini tidak termasuk dengan suara bising di sana sini di sekitar jalanraya kita sekarang ini lantaran kita pesat membangun, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu patut juga kita hadkan berapa lama sesebuah bas itu boleh digunakan untuk faedah pelancungan. Jangan kita gunakan had atau umur sesebuah kenderaan untuk pelancungan ini sama standardnya dengan umur kenderaan yang digunakan bagi bas biasa yang digunakan di negara ini. Kerana, walaupun kenderaan itu diperbaiki ataupun disemak 6 bulan sekali tetapi bagi sesebuah kenderaan yang melewati umur biasa, kemungkinan akan mengalami kerosakan di pertengahan jalan atau di mana-mana sahaja itu tetap ada. Dan kemungkinan ini kalau sekiranya kita tidak mahu mempotretkan Malaysia sebagai satu suasana yang tidak baik, tidak selesa, tidak sihat maka ini patut kita hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada alat-alat atau kenderaan yang digunakan untuk pelancung-pelancung tadi yang paling penting sekali daripada itu, ialah orang-orang yang mengendalikannya pelancungan, daripada Pengurusnya, daripada tuan punya sampailah kepada pemandu bas, tiap-tiap orang ini memainkan peranan yang penting. Sekiranya silap di mana-mana, silap satu skrew dalam pentadbiran ini maka akan rusaklah nama Malaysia melalui ejensi yang tersebut, dan sekiranya, berlaku suatu kesilapan dan kesilapan ini dapat dikesan dan ianya dapati benar berlaku maka saya menganjurkan supaya tindakan-tindakan yang sesuai hendaklah diambil. Kita tidak mampu untuk memberi amaran kepada orang yang mencemarkan nama negara ini di muka dunia dalam bentuk pelancungan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyentuh mengenai komposisi Ahli Lembaga. Ahli Lembaga Perbadanan Kemajuan Pelancungan saya minta supaya ianya dapat menggabungkan datangnya daripada semua golongan bukannya datang daripada Kementerian-kementerian yang belum tentu lagi mereka adalah pakar daripada bidang-bidang yang dapat mencukupi di antaranya perkara-perkara yang telah saya sebutkan sekejap tadi. Misalnya di dalam masalah ini mungkin kita memerlukan seorang ahli saikoloji ataupun seorang antropologis untuk duduk

sebagai ahli Lembaga Perbadanan yang seperti ini. Orang-orang ini sudah tentu ada kaitan rapat dengan industri hotel, orang-orang yang ada kaitan rapat dengan masalah keselamatan dan orang-orang yang ada kaitan rapat dengan soal-soal seperti sejarah, monument dan sebagainya hendaklah dimasukkan ke dalam lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa dengan pindaan Akta ini pihak Kementerian yang berkenaan meminta supaya selain daripada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah maka diminta lagi beberapa orang Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah-pengarah yang difikirkan perlu oleh Lembaga untuk dimasukkan bertugas di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ataupun Lembaga ini. Saya mengharapkan supaya masalah bilangan Timbalan Ketua Pengarah ini bukan menjadi soal penting, tidak menjadi soal pokok, tetapi tiap-tiap Timbalan Ketua Pengarah yang diwujudkan ini hendaklah digunakan sepenuhnya dari segi bidang-bidang yang berlainan dan berkenaan seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga hendak menyentuh mengenai hubungan Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini dengan pihak-pihak negeri. Saya tidak tahu setakat ini sejauh manakah hubungan yang wujud di antara perbadanan ini dengan pihak-pihak berkuasa negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan, misalnya pihak Majlis-majlis Daerah, kerana perkara-perkara yang hendak kita lawati, perkara-perkara yang hendak kita persembahkan kepada pelancung-pelancung itu adalah berkaitan rapat dengan kekuasaan yang didapati pada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan umpamanya Majlis Daerah ataupun Majlis Perbandaran atau sebagainya. Maka dengan hal yang demikian, mungkin boleh difikirkan bahawa di peringkat negeri kalau pun belum wujud lagi penyelarasan di antara perbadanan ini dengan peringkat negeri maka hendaklah diwujudkan dan kalau perlu ditubuhkan satu jawatankuasa peringkat negeri, kalau sekiranya sesebuah negeri itu telahpun mempunyai Jawatankuasa Exco Negerinya sendiri maka hendaklah pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan ini menyelaras serta bekerjasama dengan pihak Jawatankuasa Exco Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita hendak menyelaraskan dan bekerjasama dengan pihak Jawatankuasa di peringkat-peringkat negeri seperti mana yang saya sebutkan sekejap tadi, mungkin akan timbul masalah hendak mengadakan tempat-tempat baharu, tempat-tempat baharu untuk dilawati oleh pelancung-pelancung dan ini, mungkin akan melibatkan masalah planning dan kewangan. Soal planning atau perancangan dan kewangan ini hendak sentiasa difikirkan secara mendalam oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ini. Tidak cukup, kalau sekiranya pihak Perbadanan ini hanya memikirkan hanya untuk menghantar ke mana perlu pelancung-pelancung ini pergi untuk mengawal ejensi-ejensi pelancungan dan untuk menyediakan infrastruktur seperti mana yang saya sebutkan tadi kalau kita tidak fikirkan atau difikirkan untuk menambahkan lagi bahan-bahan atau tempat-tempat yang perlu dilawati oleh pelancung yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin setengah-setengah tempat atau setengah-setengah negeri mempunyai bahan-bahan yang boleh dicungkil tetapi kemudahan-kemudahan lain tidak wujud, misalnya kemudahan-kemudahan pengangkutan dari segi kapalterbang. Misalnya, ada setengah-setengah tempat di negara kita ini tidak kedapatan kapalterbang berulang alik daripada Ibukota Kuala Lumpur pada saban hari atau setiap hari, dan ini perlu diawasi. Kita minta supaya pihak MAS atau pihak Kementerian Pengangkutan dalam hal ini jangan memikirkan sangat soal untung rugi yang mungkin dihadapi oleh MAS tetapi hendaklah memikirkan jangka panjang apakah mungkin dibawa oleh pengangkutan MAS ini ke tempat-tempat yang jauh itu sekiranya kemudahan-kemudahan pengangkutan melalui kapalterbang MAS ini dapat diadakan. Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, apakah salahnya kalau kita mengadakan pengangkutan kapalterbang tiap-tiap hari ke Trengganu, ke Kuantan selain daripada yang telahpun wujud pada tiap-tiap hari ke Kota Bharu daripada Kuala Lumpur. Saya yakin, walaupun kita tidak dapat menghantarkan kapalterbang yang besar mencukupi kalau kita menghantar tiap-tiap hari Fokker Friendship 27. Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya kita akan dapat membawa pelancung-pelancung ini ke negeri Trengganu, Pahang, Kelantan atau sebagainya. Mungkin pendapat atau pandangan ini juga dapat

dipanjangkan kemudahannya kepada Sabah dan Sarawak. Mungkin bagi Sabah dan Sarawak bukan hanya sekadar ke Kota Kinabalu ataupun ke Kuching sahaja tetapi juga di antara lapanganterbang-lapanganterbang bandar-bandar yang lain kerana Sarawak sepertimana kita maklum adalah sebuah negeri yang luas, lebih kurang sama luasnya dengan Semenanjung.

Jadi memandangkan bahawa potensi-potensi yang didapati daripada tempat-tempat tersebut adalah terlalu banyak maka ini adalah satu cara untuk mengatasi kelemahan-kelemahan, umpamanya sudah tentu dengan munculnya Trengganu sebagai negeri yang mengeluarkan minyak mungkin pelancung-pelancung ingin ke Trengganu untuk melihat keadaan yang sebenarnya di sana.

Di samping itu juga patut kita perhatikan keadaan jalanraya di negeri ini, bukan jalanraya lebuhraya (highway) tetapi jalanraya yang menghubungkan ibu-ibu negeri yang berkenaan dengan tempat-tempat yang hendak dilawati oleh pelancung-pelancung itu.

Misalnya mengambil contoh negeri Kelantan, kita tentukan bahawa jalanraya daripada Pengkalan Chepa Airport sampai ke Kota Bharu, setakat hari ini Alhamdulillah - baik, dan daripada Kota Bharu umpamanya kalau hendak diwujudkan pusat pelancungan di Danau Tok Uban atau Danau Tuban dipanggil di dalam jajahan Pasir Mas, Kelantan maka ditentukan bahawa jalanraya daripada pusat atau ibu negeri Kelantan, Kota Bharu ke Danau Tuban tersebut adalah terjamin, dibaiki (maintained).

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga hendak menyentuh mengenai rancangan-rancangan yang patut dibuat di peringkat bawah selain daripada peringkat negeri tadi. Mungkin juga perkara ini dapat kita selaraskan di peringkat daerah ataupun peringkat jajahan bagi setengah-setengah negeri. Misalnya biarlah kita wujudkan satu jawatankuasa di peringkat daerah, Jawatankuasa Kemajuan Pelancungan, sama ada jawatankuasa ini di bawah tadbiran Kerajaan Negeri atau di bawah Kerajaan-kerajaan Tempatan ataupun Penguasa-penguasa Tempat seperti Majlis-majlis Daerah ini tidak menjadi soal, yang penting bagi saya asalkan wujud satu Jawatankuasa Kemajuan Pelancungan. Melalui jawatankuasa ini yang mana

sepatutnya diselaraskan oleh pihak perbadanan pelancungan di peringkat kebangsaan, yakni Malaysia maka berbagai-bagai perkara boleh difikirkan. Perancangan di peringkat bawah ini hendaklah disalurkan ke peringkat negeri dan daripada negeri hendaklah disalurkan ke peringkat kebangsaan. Dengan cara yang demikian mungkin banyak lagi tempat-tempat yang boleh dicungkil atau yang boleh diwujudkan bagi tempat-tempat yang dilawati oleh pelancung-pelancungan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita juga hendaklah menentukan bahawa segala maklumat mengenai Malaysia di seberang laut hendaklah dikemaskinikan (up-to-date). Saya tidak tahu sama ada hakikat ini telahpun wujud setakat hari ini, kalau ianya belum wujud saya ingin mengesyorkan kepada pihak yang berkenaan supaya kita kemaskinikan segala maklumat-maklumat mengenai Malaysia, bukan mengenai Kuala Lumpur sahaja, bukan mengenai Pulau Pinang, Ipoh dan Johor Bahru sahaja tetapi mengenai keseluruhan negara kita Malaysia supaya dengan cara yang demikian mungkin pihak-pihak pelancung luar negeri ini akan tertarik datang ke Malaysia. Misalnya kalau kita mempamirkan gambar Masjid Negara kepada orang Arab mungkin mereka tidak mahu melawat, masjid bukan satu perkara yang asing kepada orang Arab ataupun kita mempamirkan bangunan Bank Bumiputra atau bangunan Bank Rakyat kepada orang Amerika atau kepada orang England, ini bukan perkara yang asing kepada mereka itu, mereka mempunyai pencakar-pencakar langit berlipat ganda tingginya, berlipat ganda indah dan berlipat ganda besarnya daripada apa yang kita dapat pamerkan. Dengan lain-lain perkataan, selain daripada kita mempamirkan keindahan Ibukota Kuala Lumpur maka hendaklah juga dipamerkan dengan lebih mendalam lagi bahan-bahan yang mungkin menjadi bahan daya tarikan yang terdapat di Sabah, Sarawak dan juga negeri-negeri lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah ini kita tidak perlu malu, kita dedahkan sahaja apa perkara yang sepatutnya dilihat oleh pelancung-pelancung di negara ini kerana inilah Malaysia yang berbeza Malaysia daripada England walaupun England telah lama menjajah negara ini. Inilah sifat-sifat yang terdapat di Malaysia. Ini perlu dilihat oleh

orang-orang Inggeris pada hari ini walaupun kita telah dijajah berabad-abad tetapi identiti Malaysia masih kita pertahankan dan ini kita patut beritahu kepada mereka dan kalau mereka datang boleh mereka lihat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang demikian saya mengharapkan supaya pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia khasnya dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian amnya hendaklah memikirkan soal pelancungan ini sebagai satu soal yang besar, bukan sekadar manusia datang manusia pergi, hendaklah difikirkan juga soal-soal lain, soal-soal imej negara, soal-soal pelaburan yang patut banyak dicurahkan di bidang ini. Kalau sekiranya pihak Yang Amat Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian merangkap Timbalan Perdana Menteri dan Timbalannya selalu berkunjung ke sana-sini untuk menjual Malaysia dari segi perdagangan dan perindustrian dan ini adalah salah satu cara untuk menjual imej negara Malaysia di luar negeri supaya pihak-pihak asing boleh datang dan mereka itu mungkin mula-mula datang sebagai pelancung dan kemudian itu mungkin akan datang sebagai pelabur-pelabur ataupun sebagai yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh mengenai pelancungan dalam negeri. Walaupun kita banyak menekankan soal pelancungan luar negeri tetapi kita jangan lupa soal pelancungan dalam negeri, di antara orang Kelantan dengan orang Pulau Pinang, di antara orang Perlis dengan orang Sabah dan Sarawak umpamanya. Maka mesti diwujudkan faktor-faktor supaya mereka ini mahu bergerak daripada satu negeri ke satu negeri yang lain, sebarang pergerakan sama ada dalam negeri ataupun luar negeri ke dalam ini akan menambahkan lagi industri pelancungan. Maka dengan hal yang demikian segala bahan-bahan atau faktor-faktor atas infrastruktur yang ada hubungan dengan soal pelancungan ini hendaklah diperbaiki. Misalnya bagi perhubungan daripada satu negeri ke satu negeri mungkin perhubungan ini perhubungan keretapi mungkin perhubungan ini dengan cara bas biasa, bukan bas air-conditioned ataupun perhubungan itu dengan cara-cara lain maka hendaklah ditentukan bahawa kesesuaian seberapa boleh, saya tekankan, kesesuaian seberapa boleh berbeza dengan kesesuaian maksima di peringkat antarabangsa tadi. Kesesuaian seberapa boleh hendaklah diwujudkan.

Umpamanya, mungkin kita tidak mampu membenarkan terlalu kerap bas-bas rosak di pertengahan jalan, mungkin kita tidak mahu membenarkan terlalu kerap keretapi terlewat, mungkin kita tidak dapat membenarkan selalu kerap masalah-masalah teksi timbul di pertengahan jalan dan seumpamanya. Perkara-perkara ini hendaklah diperhatikan kerana sebarang kelewatan yang berlaku, sebarang gangguan yang dirasakan oleh pelancung-pelancung walaupun antara negeri di dalam negara kita ini akan melibatkan sesuatu. Begitu juga mungkin kita patut mengadakan perkara-perkara lain, misalnya soal penginapan. Mungkin bagi pelancung-pelancung dalam negeri yang tidak berkemampuan umpamanya hendak tinggal atau menginap di hotel-hotel first class seperti yang terdapat di beberapa buah di Kuala Lumpur ini. Mungkin mereka ini memerlukan tempat menginap yang agak selisa tetapi murah. Ini patut difikirkan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia. Ini mungkin dapat diselesaikan dengan pihak-pihak yang boleh mendirikan asrama-asrama, misalnya persatuan-persatuan belia seperti MAYC atau seumpamanya ataupun Malaysian Hoteliers Association, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ini dapat diperbanyakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan banyaknya pada hari ini timbul motel-motel sama ada yang cidirikan oleh pihak-pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan ataupun pihak Kerajaan Negeri seperti terdapat di Dungun, Trengganu. Tetapi bagi motel-motel ini sejauh manakah ianya dapat menampung pelancung-pelancung dalam negeri yang mempunyai pendapatan yang rendah. Mungkin motel-motel ini akan dapat didiami atau disinggahi oleh mereka yang berpendapatan upper bracket. Dengan cara yang demikian, perlu disediakan bentuk-bentuk asrama yang difikirkan menasabah yang telah saya anjurkan di atas tadi supaya difikirkan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga kemudahan-kemudahan semasa perjalanan hendaklah diwujudkan, misalnya, tempat-tempat yang jauh daripada adanya Balai Polis daripada satu bandar kecil ke satu bandar kecil lain, hendaklah juga difikirkan diwujudkan balai-balai atau police beat yang mengandungi dua pegawai polis atau mata-mata memadailah, Tuan Yang di-Pertua, sekadarkan untuk menjaga keperluan

mereka yang mengembara sama ada mereka ini mengembara waktu siang hari ataupun yang mengembara pada waktu malam hari.

Seterusnya mungkin juga pihak-pihak yang bertanggungjawab patut memikirkan untuk menyediakan tempat persinggahan, misalnya, kalau bagi orang Islam mengadakan surau-surau—sekarang tidak menjadi masalah surau dan masjid sudah wujud di merata-rata tempat. Yang pentingnya sekarang ialah wujudnya tempat-tempat keselisian awam, istilah bagi setengah-setengah tempat iaitu tandas dan sebagainya. Ini adalah penting kerana setelah kita mengembara dengan bas, umpamanya dari Kota Bahru ke Kuala Lumpur perlu kita singgah beberapa kali ataupun tidak berapa kali, setakat tiga atau empat kali dan sewaktu singgah ini maka perkara ini adalah asas kepada manusia. Ini patut diperhatikan supaya pelancung-pelancung dapat berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi dalam menyokong Rang Undang-undang ini menyeru pihak-pihak yang berkenaan supaya memikirkan soal pelancungan ini dengan lebih luas sama ada pelancungan di peringkat antarabangsa ataupun pelancungan di peringkat dalam negeri hendaklah difikirkan secara mendalam, difikirkan secara menyeluruh yang hendaknya mencukupi segala perbadanan-perbadanan atau agensi-agensi yang boleh memberi pertolongan dalam apa bentuk sekalipun untuk memajukan perindustrian pelancungan ini. Maka dengan ini, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu perbincangan sekarang ini ialah atas pindaan kepada Akta Ibu. Jadi bukan membahaskan kepada Akta Ibu. Ahli Yang Berhormat dari Ayer Hitam.

6.03 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Speaker, saya bangun ingin menyokong Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972. Saya percaya dengan penuh yakin bahawa dengan pindaan Akta ini pentadbiran pelancungan di dalam Malaysia akan dapat dilicinkan dan dikukuhkan.

Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kita telah membawa beberapa langkah untuk memajukan perusahaan pelancungan di dalam negara kita. Perusahaan pelancungan adalah satu perusahaan yang baru di dalam negara kita dan oleh kerana itu memanglah kita setiap hari menghadapi banyak masalah yang tidak disangkakan.

Tuan Speaker, salah satu masalah iaitu mengenai kesan sosial. Saya datang daripada sebuah bandar yang boleh dikatakan medium size yang mana telah disifatkan seperti Taipei yang kecil di Malaysia iaitu Batu Pahat.

Yang sebenarnya perkara yang saya ingin membangkitkan bukan sahaja menunjukkan apa yang telah berlaku di Batu Pahat tetapi saya percaya kebanyakan daripada bandar-bandar termasuk ibukota kita dan bandar-bandar yang besar juga menghadapi masalah sosial yang sama iaitu dengan kemajuan pelancungan kita tidak boleh nafikan pelancungan juga membawa ill-effects, kesan yang buruk, seperti health centres, massage parlours dan sebagainya.

Kita tidak boleh nafikan juga bahawa pelancung-pelancung ada short-term atau long-term tourists. Minat-minat mereka adalah banyak (diverse). Ada yang datang untuk menikmati kebudayaan kita, untuk menikmati pembangunan negara kita dari segi ekonomi dan lain-lain, tetapi ada juga kebanyakan daripada mereka datang ke negara kita untuk menikmati sexual variation. Ini kita tidak mahu menafikan. Oleh kerana itu seperti bandar-bandar yang saya sebutkan tadi bandar health centres, massage parlours dan sebagainya telah tumbuh sebagai mushroom.

Saya bukan ingin mencadangkan di sini bahawa kita menutup semua health centres dan sebagainya tetapi saya ingin mencadangkan bahawa kita patutlah mengawal pembangunan health centres dan lain-lain kerana di banyak bandar-bandar nampaknya health centres pun tumbuh di kawasan kediaman dan juga di mana-mana bandar biasanya di tepi jalan besar. Orang yang datang ke bandar ini diberikan impresi bahawa ini adalah sebuah joy town sahaja.

Tuan Speaker, dengan bangunan health centres, massage parlours dan lain-lain juga di bawah masalah lain iaitu masalah kesihatan. Kita baru mendengar daripada seorang doktor pakar bahawa penicillin-resistant

gonorrhoea adalah dijumpai dengan banyaknya di Asia Tenggara. Saya percaya walaupun doktor pakar ini tidak menyebut nama negara kita, saya percaya juga dalam negara kita pada masa sekarang memanglah kes-kes penicillin-resistant gonorrhoea telah bertambah.

Saya tahu juga di setengah-setengah bandar yang mana pegawai kesihatan sudah suruh gadis-gadis yang terlibat dalam perusahaan atau peniaga health centres dan lain-lain diberikan peperiksaan regularly tetapi kerana kita tidak ada undang-undang yang boleh menguatkuasakan mereka untuk mendapatkan peperiksaan perubatan sebab itu banyak gadis-gadis—saya tahu juga walaupun saya tidak ada bilangan yang rasmi mengidap penyakit kelamin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini bahawa dengan pembangunan perusahaan pelancungan itu kita patutlah ingat dari segi town planning dan juga dari segi kesihatan. Saya fikir health centres dan lain-lain hubungan itu patutlah ditempatkan di kawasan reserve seperti yang ada di negara lain, "red light area" dan sebagainya. Ini saya fikir adalah perlu kalau kita ingin menjaga imej bandar-bandar yang saya sebut tadi dan juga untuk gadis-gadis yang terlibat dalam perniagaan-perniagaan massage parlour, night club, health centres dan lain-lain patutlah mereka diberi peperiksaan perubatan yang wajib (compulsory medical examination) dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelancungan tempatan seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah saya juga menyokong bahawa kita patutlah memberikan perhatian kepada pelancungan-pelancungan tempatan. Kita selalu mendengar orang-orang di negara kita yang berbangga mengatakan bahawa dia telah pergi melawat Taiwan beberapa kali, Korea beberapa kali dan Hongkong tiga empat kali setahun. Tetapi untuk melawat Pantai Timur (East Coast) satu kali pun tak pernah, mereka hanya berbangga mengatakan: Saya sudah pergi ke Amerika, Palm Beach dan lain-lain. Tetapi Pantai Timur yang cantik yang tak berapa jauh daripada rumah mereka, mereka tidak ada pengetahuan di atas "beauty-beauty" yang ada di dalam negara kita. Saya fikir ini adalah satu masalah sikap. Saya berharap melalui Perbadanan Kemajuan

Pelancungan Malaysia ini kita akan promote atau menaikkan kesedaran (consciousness) kepada warganegara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kedatangan pelancung-pelancung yang telah dicatitkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga bahawa pada tahun 1980 kita menjangka 1.9 juta orang akan melawat negara kita. Bilangan ini memang kecil kalau dibandingkan dengan negara Singapura sebuah pulau yang kecil atau Indonesia, Filipina dan lain-lain. Oleh kerana itu saya cadangkan bahawa negara-negara dalam ASEAN boleh berunding supaya menaikkan satu imej pelancungan seperti Scandinavian countries. Kalau kita mendapat satu konsep bahawa kita ingin melawat Scandinavian countries dan bukan Norway atau Sweden, dengan nama yang sama itu pula orang-orang Barat datang ke dunia Timur ini untuk melawat ASEAN countries.

Saya cadangkan konsep ini oleh kerana saya tahu kita memang kehilangan banyak pelancung-pelancung potensi ke negara kita seperti di Singapura begitu ramai pelancung dari Eropah, Amerika, Australia dan New Zealand hanya berhenti di Singapura pada puratanya tidak lebih daripada 5 malam sahaja (5 nights maximum). Sebabnya kita tidak dapat menarik mereka masuk ke Malaysia dan oleh kerana itu kebanyakan daripada mereka tidak dapat melawat negara kita. Kita pun kerugian banyak pelancung-pelancung ke negara kita.

Kita memang ada papan tanda di Germany France dan lain-lain yang mana menunjukkan seorang gadis cantik berdiri atas Pulau Pinang dan sebagainya. Saya fikir ini tidak ada kesan. Adalah lebih berkesan kalau kita boleh promote publisiti di negara-negara ASEAN, dengan lebih tegas. Saya fikir ini akan lebih berkesan kerana kebanyakan pelancung yang datang ke negara-negara Asia Tenggara tidaklah datang dengan first choice ke negara kita, kebanyakan pelancung-pelancung yang datang ke negara kita bukan dengan first choice (pilihan pertama) tetapi hanya by the way sahaja. Oleh kerana itu saya harap pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ini akan bekerja lebih kuat di negara-negara yang berdekatan dengan negara kita sebelum kita membuat publisiti di negara yang jauh oleh kerana orang yang datang daripada jauh bukan hanya ingin melawat satu negara sahaja atau dua negara memang

mereka ingin menengok lebih banyak negara-negara lain. Saya tahu juga daripada impression kawan saya sendiri seorang German yang datang ke Singapura, dia kata: Saya hendak tengok map ini—Peninsular Malaysia tak berapa jauh daripada Pulau ini. Tetapi mengapa kebanyakan pelancung yang ada sekarang di Singapura tidak ingin menggunakan sedikit masa lagi, dua-tiga hari untuk melawat Malaysia? Saya fikir ini adalah satu tempat yang mana kita boleh mengambil berat untuk menarik lebih ramai pelancung-pelancung ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, demikian juga mengenai Lembaga Pelancungan ini, saya ingin mencadangkan bahawa kita adakan satu code of ethics untuk Lembaga ini supaya ahli-ahli Lembaga ini diberikan fikiran bahawa tujuan Lembaga ini janganlah yang pertamanya atau tujuan yang utamanya ia itu untuk membuat keuntungan wang ringgit sahaja. Kalau Lembaga ini hanya mempunyai konsep ini, saya fikir ini "defeats the purpose" Lembaga ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Dungun.

6.18 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut serta di dalam perbincangan Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972 ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang berkenaan yang mana telah menyediakan Rang Undang-undang (Pindaan) ini dengan tujuan untuk melicinkan lagi perjalanan pelancungan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya matlamat Kementerian ini untuk membaiki sektor pelancungan di negara kita ini akan tercapai dengan lebih baik lagi manakala Rang Undang-undang (Pindaan) ini diluluskan. Lebih-lebih lagi dengan pindaan-pindaan yang dibuat di dalam Ceraian 2 dan 3 umpamanya, ini jelas dan nyata sekali akan menambahkan lagi kelicinan perjalanan pelancungan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada dengan sebab kesetabilan politik di negara kita atau dengan sebab-sebab kecantikan semula jadi yang ada di negara kita ini maka ianya telah menarik banyak pelancung-pelancung dari

luar negeri untuk datang ke negeri kita ini. Dengan kedatangan ramainya pelancung-pelancung daripada luar negeri ini mengakibatkan ataupun memberi natijah yang baik. Dari sudut ekonomi umpamanya dengan kedatangan pelancung-pelancung ini industri pelancungan ataupun sektor pelancungan ini telah berkembang dengan pesatnya. Kecepatan ini boleh kita lihat di dalam perkembangan perhotelan umpamanya. Di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia sendiri banyak hotel-hotel yang diwujudkan guna menampung kehendak ataupun demand pelancung-pelancung yang datang ke negara kita ini dan banyak juga daripada hotel-hotel ini telahpun bertaraf antarabangsa. Dengan persiapan-persiapannya yang bertaraf antarabangsa, dengan layanannya yang bertaraf antarabangsa tidak kurang pula ataupun yang lebih jelas ialah dengan harga charge yang bertaraf antarabangsa.

Dari satu sudut wujudnya hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa dalam semua aspek ini adalah satu perkara yang baik, tetapi pada himat saya ada lagi sudut-sudut sampingan yang berakibatkan daripada wujudnya hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa ini. Umpamanya hotel-hotel yang bertaraf antarabangsa ini diambil harga dengan lebih tinggi, tetapi orang-orang yang bekerja untuk mendapat harga yang lebih tinggi ini diberi upah yang paling minima. Ini adalah satu perkara yang menyebabkan ataupun yang mengakibatkan rasa ketidakpuasan hati di kalangan banyak pekerja-pekerja sektor perhotelan di bawah Perbadanan Pelancungan di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini telah menerima aduan daripada pekerja-pekerja motel di Tanjong Jara yang baru wujud di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ini yang mana di dalam aduan ini menyebut tentang ketidakimbangannya upah yang diberi kepada mereka berbanding dengan harga yang diterima oleh hotel-hotel yang berkenaan. Oleh sebab itu dalam kesempatan ini saya mengesyorkan kepada Kementerian yang berkenaan khususnya kepada Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ini supaya mengkaji semula upah ataupun gaji kepada pekerja-pekerja perhotelan yang berada di bawahnya.

Perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, akibat daripada wujudnya perhotelan di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan

di negara kita ini ialah hotel-hotel yang diwujudkan ini yang bertaraf antarabangsa ini selain daripada dimanfaatkan dengan sebenarnya manfaatnya iaitu tinggal di situ, tidur di situ dan berbagai-bagai lagi, ada juga kepada setengah-setengah pelancung yang tidak bertanggungjawab menggunakan hotel-hotel ini untuk perkara-perkara yang tidak baik. Umpamanya, ada juga hotel-hotel ini dijadikan pusat kegiatan haram yang boleh merosakkan ketenteraman di negara kita ini, tidak kurang pula kita dengar bahawa di hotel-hotel ini dijadikan pusat ataupun tempat pengedar dadah ataupun sekurang-kurangnya pengedar-pengedar dadah itu tinggal berlindung dan ada juga hotel-hotel ini dijadikan tempat-tempat persundalan. Jadi dari hasil yang baik itu kita sanjung tinggi dan kita harapkan dengan pindaan ini supaya perjalanan ini lebih baik lagi, tetapi kepada perkara-perkara buruk yang saya sebut tadi saya harap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dengan pindaan ini dapat kita membuat apa-apa perkara, apa-apa peraturan yang sekira-kira dapat kita sekat, dapat kita kurang ataupun dapat kita bendungkan perkara-perkara buruk hasil daripada kemajuan perhotelan di negara kita itu.

Umpamanya, kita perketatkan kawalan atau kita perketatkan syarat-syarat kemasukan di hotel itu dengan memeriksa ataupun menemubual kepada para pelancung itu dengan seteliti-telitinya sekira-kira dapat kita tahu maksud dan tujuan mereka hendak menginap di hotel kita itu. Jadi dengan cara ini saya rasa dua matlamat besar iaitu untuk meninggikan taraf ekonomi atau untuk hendak mempertingkatkan ekonomi daripada hasil perhotelan yang ada di bawah Perbadanan Kemajuan Pelancungan di negara kita ini dan juga untuk hendak mempertingkatkan moral rakyat dan menjaga keselamatan negara ini dapat kita capai. Inilah yang menjadi hasrat kita dan akhirnya saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

6.28 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya memang tidak menentang sebahagian besar pindaan-pindaan yang diadakan di bawah Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972. Tetapi saya sangat terperanjat untuk mengkaji satu Fasal iaitu Fasal ke 7 di mana kita dapat

menyaksikan bersama-sama di Dewan yang mulia ini, umpamanya, Fasal ke 7 di bawah Sub-seksyen 5 yang ada berkaitan dengan rayuan kepada Menteri untuk menetapkan satu perkara yang berkaitan dengan pembatalan pendaftaran di bawah pindaan undang-undang ini.

Saya merasa terperanjat kerana dalam Fasal 7 ini apakah sebabnya orang-orang yang terlibat dalam pembatalan pendaftarannya tidak boleh diizinkan untuk merayu kepada mahkamah, dengan Fasal itu keputusan Menteri atas rayuan ini adalah muktaamad. Memang dari segi undang-undang seseorang ini boleh merayu kepada mahkamah atas, dengan izin point of law, tetapi tidak boleh merayu kepada mahkamah atau point of fact, biasanya sesuatu kes umpamanya kes serupa ini sebuah syarikat pendaftarannya dibatalkan, tentu pihak Kerajaan akan memberi alasan 1, 2, 3, 4, 5 tetapi ini tidak ada berkaitan dengan point of law, biasanya ada berkaitan dengan point of fact. Maka atas perkara fact itu bagaimana seseorang atau

sesebuah syarikat bila syarikat-syarikatnya dibatalkan pendaftarannya tidak ada cara (channel) untuk dia merayu perkara ini yang dirasa atau dipercayai tidak adil maka dia perlu dibicarakan di mahkamah untuk pengadilan.

Di bawah Fasal 7 ini nampaknya prinsip rule of law telah dicerobohi, langsung tidak diberikan satu penghormatan kepada rakyat Malaysia di mana Malaysia adalah sebuah negara yang menjunjung tinggi pemerintahan yang berundang-undang, di sini saya berharap.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung esok.

Tuan Chan Teck Chan: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari esok, Selasa, 14hb Oktober, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.